

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
MCHAMAD NOR ARIFIN  
PELUKIS MURAL

OLEH:

|                                  |            |
|----------------------------------|------------|
| NURUL AQILAH BINTI ABDULL RAZAK  | 2022926039 |
| NUR HAFIZAH KHALILAH BINTI SABRI | 2022786941 |

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2023 – OGOS 2023)

# **PENGHARGAAN**

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim,

Pertama sekali, syukur alhamdulillah dipanjatkan kehadiran Ilahi kerana dengan izin dan kurnianya, kami dapat menyelesaikan tugas ini bagi kod subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR604) dalam tempoh yang telah ditetapkan dengan jayanya.

Di kesempatan ini, kami dengan rasa rendah diri dan berbesar hati mengucapkan jutaan terima kasih kepada Encik Mohamad Nor bin Arifin iaitu seorang pelukis seni mural di atas kesudian beliau meluangkan masa dan tenaga untuk bersama kami dalam wawancara tersebut. Kesempatan dan kerjasama yang diberikan oleh pihak beliau amatlah penting dan utama dalam menyempurnakan wawancara tersebut.

Penghargaan juga ditujukan kepada pensyarah kod subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR604), Puan Nurul Annisa Abdullah kerana telah banyak memberi tunjuk ajar dan sentiasa membantu kami sepanjang proses menyelesaikan tugas ini. Beliau sentiasa mewujudkan suasana untuk kami bertanyakan soalan dan menunjukkan professionalism yang sangat tinggi sepanjang proses.

Selain itu, penghargaan juga dihadiahkan kepada rakan-rakan seperjuangan yang juga banyak membantu kami dalam memahami tugas ini bagi merealisasikan usaha bersama-sama dengan jayanya. Ucapan terima kasih dizahirkan kepada ibu-bapa yang banyak mendukung usaha kami selama ini. Nasihat dan dorongan yang diberikan tanpa putus menguatkan kami untuk terus maju dan menjayakan tugas ini.

Tidak dilupakan kepada semua pihak yang terlibat samaada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan tugas ini. Terima kasih atas segala usaha dan bantuan yang telah dihulurkan baik dari segi mental mahupun fizikal. Sekian, terima kasih.

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

| TAJUK                                 | MUKA SURAT |
|---------------------------------------|------------|
| Penghargaan.....                      | i          |
| Isi Kandungan.....                    | ii-iii     |
| Abstrak.....                          | iv         |
| Biodata Tokoh.....                    | v          |
| Pengenalan.....                       | vi         |
| Transkrip                             |            |
| Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh..... | 1-5        |
| Bahagian 2: Sejarah Pendidikan.....   | 6-10       |
| Bahagian 3: Kerjaya Awal.....         | 11-13      |
| Bahagian 4: Kerjaya Pelukis.....      | 14-25      |
| Bahagian 5: Kerjaya Seni.....         | 26-28      |
| Bahagian 6: Sumbangan.....            | 29-31      |
| Bahagian 7: Harapan.....              | 32-38      |
| Rujukan.....                          |            |

## Lampiran

|                       |       |
|-----------------------|-------|
| Log Wawancara.....    | 41-54 |
| Diari Kajian.....     | 55-59 |
| Senarai soalan.....   | 60-64 |
| Surat Perjanjian..... | 65    |
| Gambar.....           | 66    |
| Indeks.....           |       |
| Appendiks.....        |       |

# ABSTRAK

## ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini dilakukan bersama seorang pelukis mural iaitu Mohamad Nor bin Arifin untuk mengetahui tentang pengalaman beliau dalam kerjayanya sebagai seorang pelukis mural. Temubual ini telah dijalankan di kediaman masing-masing secara dalam talian. Tarikh temubual tersebut adalah pada 5 Jun 2023 bermula pada jam 11.16 pagi hingga 12.11 petang. Encik Mohamad Nor adalah seorang pelukis seni mural yang sudah bekerja dalam bidang seni ini selama lebih 10 tahun hingga sekarang. Encik Mohamad Nor memulakan kerjayanya bukan dalam bidang seni mural ataupun mana-mana seni tetapi, beliau mempunyai minat yang mendalam sejak zaman sekolah. Beliau tidak pernah berputus asa sehingga mendapat peluang untuk menceburi bidang ini secara kecil-kecilan. Banyak masa yang digunakan untuk Encik Mohamad Nor belajar seni mural ini kerana beliau belajar sendirian melalui uji dan cuba. Pelbagai ujian dan cabaran telah dihadapi oleh Encik Mohamad Nor bin Arifin semasa melibatkan diri dalam bidang seni mural ini. Sejarah kehidupan dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang.*

**Kata kunci:** *pelukis mural, seni mural, minat, kerjaya, inspirasi*



# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



Nama : Mohamad Nor bin Arifin

Nama Samaran : Pok Non

Tarikh Lahir :

Tempat Lahir : Kampung Felda Jerangau, Hulu Terengganu

Alamat : Kampung Pulau Serai, Dungun, Terengganu

No. Telefon :

Profesion : Pelukis mural

Bidang : Seni mural

# **PENGENALAN**

# PENGENALAN

Seni mural merupakan sebuah bidang yang tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat. Seni ini adalah antara seni kreatif yang terawal pernah dihasilkan oleh orang-orang prasejarah. Seni mural telah memberi banyak sumbangan dan impak yang besar kepada Malaysia. Seni ini amat mahal berbanding dengan seni-seni yang lain. Hal ini kerana, mural merupakan sebuah lukisan yang dilukis pada dinding-dinding bangunan dan ia memakan masa yang agak lama untuk menyiapkannya. Ia memerlukan lebih banyak usaha dan kerja keras berbanding tokoh-tokoh dalam bidang seni yang lain. antaranya ialah, pelukis mural terpaksa berjemur di tengah panas dan memerlukan pelbagai alat untuk melukis kerana lukisan yang dilukis di dinding itu besar dan memerlukan alat seperti tangga melukis di tempat yang tinggi.

Perkara yang ingin dikaji dalam kajian ini ialah berkaitan dengan seniman veteran Malaysia dalam bidang seni mural. Bakat dan minat yang mendalam dalam seni mural boleh menjadi pendorong kepada individu untuk menceburi bidang tersebut. Kepentingan bakat dan minat sangatlah penting kerana kurang salah satu akan membuatkan individu itu cepat bosan kerana ianya memakan masa yang lama untuk satu-satu lukisan. Kejayaan yang diperoleh membuktikan dedikasi seorang individu terhadap bidang yang diceburi. Secara umumnya, mural sering disalah tafsir sebagai satu seni yang sama dengan grafiti yang mungkin kelihatan sama namun berbeza. Mural merupakan lukisan di atas dinding untuk melambangkan atau menjadi simbol untuk peringatan ataupun hiasan. Manakala, grafiti ialah tulisan pada dinding untuk mencipta satu reka bentuk yang lengkap. Kadang kala, ia digabungkan dengan seni mural. Generasi sekarang lebih terdedah dengan seni mural ini kerana ianya dapat dilihat jelas di dinding-dinding awam. Seni mural juga menjadi tarikan utama buat pelancong luar dan dalam negara kerana keunikannya. Ianya kelihatan estetik dan dengan menyokong seni mural di dinding-dinding bangunan ini dapat membantu Malaysia untuk membangun sebagai negara yang mempunyai lukisan mural dan pelukis yang berbakat. Oleh disebabkan itu, seni mural perlu diperluas kerana ianya mempunyai nilai yang tinggi dalam kalangan masyarakat dan juga negara supaya ianya lebih dihargai oleh semua lapisan masyarakat.

---

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni mural. Bersama-sama kami ialah Encik Mohamad Nor Arifin yang merupakan seorang pelukis mural. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 5 Jun 2023 bersamaan dengan hari Isnin pada pukul 11.16 pagi bertempat di google meet. Temubual ini dikendalikan oleh Nurul Aqilah Abdull Razak dan Nur Hafizah Khalilah Sabri. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk:

MN: Mohamad Nor Arifin

NH: Nur Hafizah Khalilah

NA: Nurul Aqilah

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

**NA : Apakah nama penuh encik?**

MN : Mohamad Nor bin Arifin.

**NA : Adakah encik mempunyai nama gelaran?**

MN : Biasa orang panggil Pok Non, gelaran nama Pok Non.

**NA : Berapakah usia encik pada tahun ini?**

MN : *okay* [baik] sekarang usia Pok Non dalam lebih kurang dalam 58 [lima puluh lapan tahun], dah [sudah] berumur dalam 58 [lima puluh lapan tahun].

NA : **Bilakah encik dilahirkan?**

MN : 18 haribulan 5 1964.

NA : **Dimanakah encik dilahirkan dan dibesarkan?**

MN : Saya dilahirkan di Kampung Felda Jerangau Hulu Terengganu dan dibesarkan - di kampung tu [itu] jugak [juga] di Felda Jerangau, Hulu Tranung [Terengganu].

NA : **Dimanakah encik menetap sekarang?**

MN : Sekarang saya menetap di Dungun, di Kampung Pulau Serai Dungun.

NA : **Bilakah encik mendirikan rumah tangga?**

MN : (gagap) Dah [sudah] 30 [tiga puluh tahun] dah [sudah] rasa - dalam 20 [dua puluh tahun] lebih lah - tapi [tetapi] saya pun tak [tidak] ingat dah [sudah] tarikh tu [itu] - tak [tidak] ingat dah [sudah] - - tapi dalam dua puluh tahun lebih lah.

NA : **Pada usia berapakah encik mendirikan rumah tangga?**

MN : Dalam usia 30 [tiga puluh tahun] - isteri umur dalam (berfikir) 20 [dua puluh dua puluh satu tahun], lebih kurang.

NA : **Apakah nama isteri encik?**

MN : (gangguan bunyi) Nur Majidah binti Ismail - nama isteri Nur Majidah binti Ismail.

NA : **Berapakah umur isteri encik?**

MN : Sekarang ni [ini] dia (berfikir) dalam 42 [empat puluh dua tahun] lah - lebih kurang.

NA : **Adakah isteri encik bekerja?**

MN : Sekarang ni [ini] dia bekerja di Kuala Dungun di kedai restoran, kedai makan.

NA : **Berapakah bilangan anak encik?**

MN : Anak Pok Non seramai dua orang, cuma sorang [seorang] dah [sudah] bekerja, sorang [seorang] lagi ada dekat [di] UM [Universiti Malaya].

NA : **Apakah nama anak-anak encik?**

MN : Yang sulung, yang duduk - yang kat [dekat] Sarawak tu [itu] nama dia Nur Shuhaidah, yang adik tu [itu] pula nama dia Nur (gangguan sambungan internet).

NA : **Berapakah umur mereka sekarang?**

MN : Sekarang ni [ini] yang sulung, yang kakak tu [itu] yang kakak Nur Shuhaidah tu [itu], lebih kurang dalam 25 [dua puluh lima tahun], yang adik tu [itu] dalam 24 [dua puluh empat tahun].

NA : **Apakah kerjaya mereka?**



MN : Yang sulung sekarang ni [ini] menetap di Sarawak *profession* [pekerjaan] sebagai guru, yang adik Nur Athira sekarang ni [ini] berada di KL [Kuala Lumpur] dekat [di] UM [Universiti Malaya].

NA : **Bolehkah saya tahu nama bapa encik?**

MN : Arifin bin Mohamad.

NA : **Bolehkah saya tahu nama ibu encik?**

MN : Nama ibu Wan Dayang binti Wan Muda.

NA : **Apakah kerjaya ibu dan bapa encik?**

MN : Bapa dulu dia seorang peneroka Felda di Felda Jerangau lah, peneroka lah. Ibu pulak [pula] dia suri rumah (gangguan sambungan internet) peneroka.

NA : **Adakah encik masih mempunyai ibu dan bapa?**

MN : Sekarang diorang [mereka] dah [sudah] takde [tiada] dah [sudah] arwah semua. Mak ayah semua dah [sudah] arwah dah [sudah] - lama dah [sudah] - dalam 10 [sepuluh] tahun macam tu [itu] lah lebih kurang.

NA : **Berapakah bilangan adik-beradik dan encik merupakan anak keberapa?**

MN : Lapan orang adik-beradik. Saya yang kedua, anak kedua.

**NA : Boleh encik kongsi bagaimana encik membahagikan masa untuk bersama keluarga dan kerjaya?**

**MN :** Sekarang ni [ini] macam ni [ini] lah, diorang [mereka] semuanya dah [sudah] faham kita punya kerjaya kan, sebab kita pun sekarang ni [ini] buat kerja bersendirian. Jadi, masa tu [itu] diorang [mereka] dah [sudah] faham, kita dah [sudah] bagi tahu [beritahu] awal-awal macam mana kita punya masa, komitmen dengan kerja apa semua, kadang-kadang kita balik. Belum tentu kadang-kadang mana masa memang tak [tidak] tepat lah. Biasa kalau kita keluar pagi balik tak [tidak] balik pukul lima, pukul enam. Kadang-kadang sampai ke malam - macam tu [itu] - diorang [mereka] dah [sudah] faham kita dah [sudah] bagi tahu [beritahu] macam mana kan - diorang [mereka] boleh terima lah - *okay* [baik] lah setakat ni [ini], Alhamdulillah.

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN

**NH** : **Apakah nama sekolah rendah encik?**

**MN** : (ketawa) Nama sekolah rendah, sekolah masa tu [itu] dia nama LKTP Jerangau, Sekolah LKTP Jerangau di Kampung Jerangau, Felda Jerangau sekolah rendah

**NH** : **Pada tahun berapakah encik memulakan dan menamatkan sekolah rendah?**

**MN** : Tahun pertama saya memang tak [tidak] ingat dah lah, tak [tidak] ingat tahun berapa memang saya tak [tidak] ingat dah (ketawa kecil)

**NH** : **Okay *takpa* [tidak mengapa], adakah encik mempunyai kenangan manis pada masa [ketika] sekolah rendah?**

**MN** : Kenangan manis sebenarnya kalau kita nak cerita dia kalau [kalau] setakat ni dah 20 tahun dah kan memang banyak sangatlah kenangan manis tu [itu]. Tapi kita nak ingat satu-satu tu [itu] memang tak [tidak] ingatlah. Cuma yang kita dapat fikir sekarang ni, maknanya kalau kita buat perjumpaan balik [semula], dengan kawan-kawan yang terdahulu, tu [itu] kenangan manis kita. Kita dapat berkumpul balik apa semua, sembang-sembang apa semua buat masa sekarang lah. Kenangan manis banyak, tapi saya nak ingat satu-satu memang tak [tidak] berapa lah.

**NH** : **Adakah encik aktif semasa di sekolah rendah?**

**MN** : (berfikir) Seingat saya ada lah satu dua persatuan *kita orang* [kami] masuk, tapi memang dah lupa dah lah, tapi ada la *jugak* [juga] tapi tak [tidak] banyak lah, sekolah rendah ni tak [tidak] banyak.

**NH : Apakah nama sekolah menengah encik?**

MN : Sekolah menengah, nama dia Sekolah Menengah Landas, SMK Landas sekarang ni.

**NH : Okay, pada tahun bila encik memulakan dan menamatkan pengajian sekolah menengah tu [itu]?**

MN : (senyum) Macam tadi, memang saya lupa. Tak [tidak] ingat (ketawa) memang saya lupa bila masuk. Kita pun dah cari apa dia tahun dia pun kita dah lupa kat mana nak cari. Tak [tidak] tahu, kita pun tak [tidak] ingat dah.

**NH : Apakah jurusan yang encik ambil ketika di sekolah menengah?**

MN : (berfikir) Dia dulu sastera kan, saya ambil sastera. *Pahtu* [selepas itu] dia ada macam pilihan lukisan pun saya ambil dulu. Kita dulu *favourite* [suka] atas nama *tu* [itu] lah macam lukisan seni apa semua. kita lebih pada [kepada] jurusan tu

**NH : Mengapa encik memilih kursus atau bidang tersebut?**

MN : Minat, sebab kita minat. Tu je [itu sahaja]. Maksudnya memang kita minat.  
(senyum)

**NH : Memang masa masuk sekolah menengah tu [itu], dah [sudah] mula minat dengan seni lah?**

MN : Dah, kita dah minat. pahtu [kemudian] masa tu macam kita ni ada kebolehan maknanya macam semula jadi lah benda tu [itu]. Kita pun dah minat, dah ada bakat semula jadi kan, kita teruskan benda tu. Maknanya memang kita berminat.

NH : **Apakah mata pelajaran yang encik minat semasa di sekolah menengah?**

MN : Masa sekolah menengah, seni dengan Bahasa Malaysia.

NH : **Adakah encik aktif semasa di bangku sekolah menengah?**

MN : Aktif biasa, menengah ni [ini] dulu kita ada sukan kan. Kita aktif dalam sepak takraw dengan bola sepak. tu lah sekolah menengah tu bahagian sukan lah.

NH : **Kalau kelab? Adakah encik ada menyertai mana-mana kelab?**

MN : (berfikir) Dulu- - adalah pengawas tu, *pahtu* [kemudian] adalah *macam* [seperti] persatuan- - sains-sains. Dulu kita ada juga lah sikit-sikit. Tapi saya nak ingat memang saya *tak* [tidak] ingat lah. Nak cari, kita cari apa dia - - memang *tak* [tidak] ingat dah [sudah].

NH : **Kenapa encik menyertai kelab tu [itu], adakah minat jugak [juga]? ataupun sekadar mengisi hobi lah?**

MN : Ya, minat pun ada *lepastu* [kemudian] kita dah ada dorongan daripada kawan-kawan apa semua kan memang masa *tu* [itu] kita aktif bahagian tu kita cebur lah mana yang boleh kita minat

**NH : Apakah pengalaman pahit manis ketika encik di sekolah menengah?**

**MN :** Pahit manis, manis tu banyak. Saya memang nak *terang* (jelaskan) memang *tak* [tidak] dapat lah, *tak* [tidak] ingat. dengan kawan-kawan, kita *join* [*sertai*]. Banyak lah kenangan manis tu. Tapi yang buruk tu ada la *jugak* [juga] kan. Yang buruk tu, tapi yang buruk tu kita ada buruk, duduk di kampung, macam mana kan. Pergi sekolah *takda* [tiada] duit nak pergi sekolah masa zaman tu. Daripada rumah, daripada Felda Jerangau jalan kaki pergi sekolah. Duit tu semua, nak naik bas *takda* [tiada] duit. Tu semua pengalaman. Lepastu [Selepas itu] ada lah cikgu denda-denda sikit biasa lah *tu* [itu]. Macam *tu* [itu] lah. Buruk *benor-benor* [sangat] tu *tak* [tidak] ada lah

**NH : Apakah pencapaian terbaik encik ketika di sekolah menengah?**

**MN :** Pencapaian terbaik kira kita boleh berjaya dalam SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) lah, boleh keputusan kira *okay* [baik] la kan. Tapi maknanya selain daripada itu dari segi sukan *pulak* [pula], kita boleh *macam* [seperti] wakil daerah, wakil sekolah semua, tapi [tetapi] tak [tidak] sampai lah peringkat negeri. Cuma paling tinggi pun peringkat daerah - pencapaian terbaik lah tu [itu]. *Lepah tu* [selepas itu] dari segi akademik *pulak* [pula] kira cemerlang lah *jugok* [juga] makna keputusan tu [itu].

**NH : Kiranya pencapaian terbaik encik tu [itu] dalam bidang sukan lah pada waktu tu [itu]?**

**MN :** Ya, kebanyakan dalam bidang sukan.

**NH : Apakah cita-cita atau impian encik pada waktu itu?**

**MN :** Memang la kalau ikut pada cita-cita, saya dulu asalnya nak masuk guru kan, tapi [tetapi] dah [sudah] bukan *talent* [bakat] kita, *last-last* [akhirnya] jadi ke lain pulok [pula]. Cita-cita dulu asal-asal [asalnya] guru lah.

**NH : Adakah encik pernah mengikuti kursus profesional lain?**

**MN :** Ada, cuma dalam bahagian seni *ni* [ini], bahagian lukisan *ni* [ini] ada satu kali saya masuk kursus di Kuala Terengganu. Itu sekali, kursus untuk seni lah. Masa *tu* [itu] kita nak belajar khat jawi. Kita *ambik* [ambil] kursus bahagian khat jawi masa tu [itu]. Tapi tu [itu] la saya ingat satu lagi yang Felda *so* [satu], yo duo [dua], Felda tu satu. *Pahtu* [selepas itu] yang anjuran kampung sendiri lah. Tapi [tetapi] kebanyakan daripada bahagian seni lah. Masa tu [itu] kita minat seni.

**NH : Memang takde [tiada] kursus profesional lain lah selain seni?**

**MN :** Takda [tiada].

**TAMAT BAHAGIAN 2**

### BAHAGIAN 3: KERJAYA AWAL

NA : **Apakah pekerjaan pertama encik selepas tamat pengajian?**

MN : Dulu [dahulu] kalau saya nak [hendak] ingat dari segi kerja tu [itu] banyak, saya dulu berhijrah ke KL [Kuala Lumpur] bekerja dengan ada salah satu syarikat pengiklanan (berfikir) dekat [di] KL lepastu [selepas itu] dalam dua tiga empat tahun, saya balik ke Terengganu bekerja dengan - bekerja di Dungun dengan salah satu kedai iklan lah kat [di] sini, kedai iklan kat [di] Dungun ni [ini]. Saya kerja kat [di] sini dalam dua puluh tahun lebih lah dengan orang. Bila dah [sudah] kita dapat peluang buka sendiri ni [ini], dah [sudah] ada peluang kita cuba buka sendiri Inshaallah. Alhamdulillah sampai sekarang benda tu [itu] kekal - sampai sekarang.

NA : **Bagaimana encik mendapat pekerjaan tersebut? Bagaimana encik mendapat pekerjaan lepas [selepas] tamat pengajian tu [itu]?**

MN : Saya pohon [memohon] lepastu [selepas itu], ada daripada - kawan-kawan, diorang [mereka] dapat peluang-peluang kerja apa semua daripada diorang [mereka] - ajak kita pergi jumpa dekat syarikat mana-mana yang kita nak pergi kerja tu [itu] *mintak* [minta] permohonan kat [dekat] situ. Boleh kerja, mula-mula kita nak bekerja.

NA : **Adakah encik suka dengan pekerjaan itu?**

MN : Kira yelah [iya], kalau nak ikut minat, masa [waktu] tu [itu] belum lagi kan, sebab kita bahagian kita ni [ini] sebenarnya lebih kepada seni, tapi [tetapi] masa [waktu]



tu [itu] lebih kepada macam ni [ini] lah umum lah, kerja umum gitu [macam itu] lah. Kira (gagap) kita (gagap) masa [waktu] tu [itu] tak [tidak] terbuka lagi pada seni, benda yang kita minat tak [tidak] terbuka lagi, tapi [tetapi] buat untuk sementara ni [ini], saya boleh kerja lah. Alhamdulillah takde [tak ada] masalah.

**NA : Berapakah gaji encik pada waktu tu [itu]?**

**MN :** Waktu tu [itu] gaji dalam 500 Ringgit Malaysia (matawang) satu bulan masa tu [itu] (tersenyum) kerja mula-mula dulu saya ingat lagi dalam 500 Ringgit Malaysia (matawang) lebih macam tu [itu] lah.

**NA : Apakah yang mendorong encik untuk berkecimpung dalam bidang tersebut? Bidang sebelum seni?**

**MN :** Bidang sebelum seni berkecimpung (berfikir) - lebih kepada keperluan lah, - lebih kepada kita *nok* [nak] kerja lah *sebenornya* [sebenarnya]. Dia masa [waktu] tu [itu] kita tak [tidak] timbul lagi minat *nok* [nak] kerja apa semua, tak [tidak] timbul - tapi [tetapi] lebih kepada kita taknak [tidak mahu] menganggur - macam tu [itu] lah, nak isi masa untuk bekerja lah - tapi [tetapi] minat untuk kerja tu [itu] belum, maknanya takda [tiada] minat. Cuma kita bekerja untuk sara diri hidup kita je [sahaja] - tu [itu] je [sahaja].

**NA : Kiranya pekerjaan sebelum ni [ini] tak [tidak] mula [bermula] dari hobi lah?**

**MN :** Ha, tak [tidak] mula daripada hobi, bukan hobi. Lebih pada [kepada] keperluan, lebih pada [kepada] kita taknak [tidak mahu] menganggur tu [itu] je [sahaja].

NA : Apakah punca encik menukar pekerjaan tu [itu]?

MN : (berfikir) Saya *sebenornya* [sebenarnya] dari segi bidang kerja ni [ini], saya *banyak* [banyak] sangat tempat saya bekerja, tapi [tetapi] *kebanyakkan* [kebanyakan] tak [tidak] kena dengan citarasa diri kita kan. Jadi maknanya, bila [apabila] kita kerja tu [itu] takde [tiada] kepuasan maksud dia - ada lah *masaloh-masaloh* [masalah-masalah] yang berbangkit apa semua memang banyak [banyak] sangat lah kan tapi kita *nok* [nak] terang [terangkan] satu-satu tu [itu] memang tak [tidak] ingat lah - tapi [tetapi] benda tu [itu] tak [tidak] sesuai dengan jiwa kita tapi [tetapi] kita tetap kerja seadanya, sampai peringkat kita *brenti* [berhenti] kerja. Banyak tempat sangat saya kerja, sehinggalah saya jumpa sebuah kedai iklan di Dungun. Bila [apabila] jumpa kedai iklan tu [itu], makna [maksud] dia seni kat [dekat] situ tu [itu] ada. Kita maknanya [maksudnya] boleh [boleh] (gangguan sambungan internet) *on* [teruskan] lah sikit - maknanya [maksudnya] dengan (gagap) kadang kedai tu [itu] buat kerja, dia ada bahagian seni kat [dekat] situ [kedai iklan] ada - lepas [selepas] pada tu [itu] lah saya terus bekerja di situ [kedai iklan].

**TAMAT BAHAGIAN 3**

#### BAHAGIAN 4: KERJAYA PELUKIS

**NH : Sejak bila encik mula menyedari minat terhadap seni mural ni [ini]?**

**MN :** Selepas saya bekerja dengan kedai iklan, iklan yang lebih kurang dalam lima belas [15] tahun yang lepas la, saya dapat satu *job* [kerja] daripada cikgu kan, dia suruh saya buat mural dekat dinding, dekat dinding sekolah. masa tu [itu] kita belum *terpikir* [terfikir] lagi apa itu mural. *Lepastu* [selepas itu], saya dapat *offer* [tawaran] daripada cikgu dia suruh buat kat dinding. Saya pun buat, *ambik* [ambil] masa lapang lepas masa *kije* [kerja] saya pergi buat. Selepas saya selesai buat apa semua *tu* [itu], kita dapat pujian banyak lah dengan dia kata cantiklah apa semua, jadi timbul situ minat. minat timbul kat [di] situ, baru kita *pikir* [fikir] rupa-rupanya bahagian saya ni [ini] sebenarnya ada banyak peluang untuk kita - - kedepan lagi kan. banyak peluang, *lepas pada tu* [selepas daripada itu] timbul minat betul-betul nak [hendak] buat mural. Masa *tu* [itu] belum *bereti* [berhenti] *kije* [kerja] lagi, masa *kije* [kerja] tu [itu] kita dah [sudah] ada minat daripada *job* [kerja] daripada luar. Bermakna baru saya tau bidang ni [ini] rupa-rupanya ada. Dari situ timbul minat kita nak teruskan mural.

**NH : Dimana encik mula mempelajari mural?**

**MN :** *Kalu* [kalau] ikut dari segi *ni* [ini], *benda* [mural] *ni* [ini] sebenarnya bukan *belajor* [belajar], *tak* [tidak] perlu *belajor* [belajar] pun, belajar tu dia *tu* [sedikit] *je* [sahaja], *benda* [mural] *ni* [ini] sebenarnya semula jadi. Saya sebenarnya daripada *kecik* [kecil] tu [itu] *dah* [sudah] ada kita *boleh* [boleh] ada seni dah, boleh melukis dah di sekolah darjah tiga [3], darjah empat [4] tu [itu] dah boleh

melukis tapi kita *tak* [tidak] *tau* [tahu] apa tujuan kita buat macam *tu* [itu] kan. Tapi bila dah sampai peringkat ni [ini] baru kita sedar rupa-rupanya benda ni *boleh* [boleh] buat satu bidang kerjaya.

**NH : Pada tahun berapa encik mula giat melukis?**

**MN :** Saya pun tak [tidak] ingat dah tahun, tapi- - saya rasa lebih kurang dalam lima belas [15] tahun dah lah kita dalam bidang ni

**NH : Adakah encik melukis mural berseorangan atau mempunyai pembantu?**

**MN :** Mural ni , kadang-kadang dia perlukan pembantu. kadang-kadang kita nak buat seorang pun *takde* [tiada] masalah, boleh buat. Sebab seni tu [itu] datang daripada kita, cuma pembantu ni [ini] dia sekadar menolong apa yang boleh dia buat untuk mempercepatkan kerja kita tu [itu], tu je [itu sahaja]. Kebiasaannya paling maksimum *dua* [2] orang je [sahaja] lah yang terbaik. tapi *kalu* [kalau] saya *sorang* [seorang] pun *takde* [tiada] masalah ,boleh buat benda tu [itu]. Sebab idea tu [itu] datang daripada kita, maknanya kita *tak* [tidak] perlu *nak* [hendak] *bagitau* [beritahu] kat orang ke apa semua. cuma dia sebagai penolong *je* [sahaja] lah *sorang* [seorang] lagi *tu* [itu], kebiasaan dua [2] orang lah.

**NH : Kira [jadi] nya memang takde [tiada] bergerak secara berkumpulan la kalau mural ni [ini]?**

**MN :** Dia macam ni, dia sebenarnya sebut mural *ni* [ini], yang bergerak kumpulan pun ada. Tapi *kalu* [kalau] kita *nak* [hendak] kualiti lebih *baguh* [bagus], kadang-

kadang kita *tak* [tidak] perlu bergerak *rama* [ramai] benda *ni* [ini] sebab seni *tu* [itu] datangnya daripada kita. bila rama [ramai] , benda *tu tak* [tidak] jadi khusus daripada kita kan, dia rama-rama [ramai-ramai]. orang *ni* [ini] macam *ni* [ini], orang *ni* macam *ni*, jadi hasilnya *tak* [tidak] berapa *okay* [baik] lah bagi pendapat saya lah.

**NH : *Okay* [baiklah], siapa yang mendorong encik untuk sampai ke tahap ini?**

**MN : Sendiri, *takde* [tiada] orang mendorong. *Ni* [ini] maknanya kesedaran kita sendiri.**

**NH : *Okay* [baiklah], adakah encik mempunyai idola dalam bidang ini dan mengapa encik mengidolakan beliau?**

**MN : Idola *tu* [itu] nak kata *seratus* [100] peratus idola *tu* [itu] sebenarnya *takda* [tiada]. Dia - atas kesedaran saya je [sahaja], sebab saya sedar benda *ni* [ini] saya boleh bergerak kan. Kita berbekalkan kepada kemahiran kita. kita *kira* [anggap] kemahiran semula jadi kita. Idola *tu* [itu] cuma kita ambil sebagai panduan lah. Contohnya saya ada minat seorang pelukis *tu* [itu] nama dia ‘Jaafar Tahir’. Kita *ambik* [ambil] contoh-contoh lukisan dia cuma kita buat panduan sahaja. *Tu je* [itu sahaja].**

**NH : Sebagai seorang pelukis mural, apa lukisan pertama yang encik pelajari?**

**MN : Lukisan pertama lukisan dinding lah. Seingat saya, (berfikir) masa *tu* [itu] tadika kemas. Mula-mula saya nak *start* [mula] mural *ni* [ini] di tadika kemas. Untuk**

menceriakan kelas dia, *diorang* [mereka] buat macam di dinding *besar* [besar] depan *tu* [itu] kang [kan], *tu* [itu] mula-mula saya buat, lukisan keceriaan.

**NH : Apa perasaan encik ketika pertama kali menceburi bidang mural?**

Perasaan *tu* [itu] puas la, puas hati la, jadi - - kita anggap *tu* [itu] sebagai kerjaya baru jadi kita rasa bila hasil kita orang terima, kita jadi puas hati, jadi, tu timbul minat kita nak bergerak sendiri. Jadi kita, makna hasil kita *tu* [itu] orang hargai. kita kena tgk jugok macam mana, kalau orang *tak* [tidak] terima hasil kita, kita *tak* [tidak] akan teruskan. Tapi bila orang dapat terima, saya rasa benda *ni* [ini] boleh pergi ke depan lagi. *Tu* [itu] *je* [sahaja] lah

**NH : Adakah selepas menceburi bidang mural ni [ini], adakah kerjaya mural ni [ini] berat untuk encik pikul?**

**MN :** *Takda* [tiada] berat nya, dia sekarang *ni* [ini] masa mural ni- - *diorang* yang sepatutnya ikut kita. Kita dah bagi contohnya satu mural *tu* [itu] kita siap dalam tiga [3] hari, *diorang tak* [tidak] *boleh* [boleh] nak cepat apa semua, dia kena *pahang* [faham], mural *ni* [ini] berkaitan dengan seni, dia *tak* [tidak] *boleh* [boleh] nak letak *target* [sasaran] dalam tiga [3] hari ke empat [4] hari siap ke, *tak* [tidak] boleh. Sebab benda *ni* [ini] dia beza *kang* [kan] *kalu* [kalau] *gambor* [gambar] yang *ni* [ini] lain masa dia, *gambor* [gambar] *susoh* [susah] sikit *laing* [lain](masa). *Diorang pahang* [faham], kita dah [sudah] *terang* [terangkan] awal-awal. Makna *kalu* [kalau] *diorang* boleh terima, *okay* [baiklah]. *Kalu* [kalau]

diorang *tak leh* [tidak boleh] terima, kita *tak* [tidak] buat lah. *Kalu* [kalau] diorang *buleh* [boleh] terima, kita *wak* [buat].

NH : **Berapa lingkungan pendapatan encik sekarang?**

MN : (berfikir) Lingkungan - - dia macam *ni* [ini], dia kadang-kadang benda tu dia *bukang* [bukan] konsisten la. Tak [tidak] semesti dalam sebulan kita dapat *level* [tahap] sama seribu sama tak [tidak] lah. Makna *kalu* [kalau] *job* [kerja] dalam sebulan tu *banyak* [banyak], *banyak* [banyak] la kita dapat. *Kalu* [kalau] *job* [kerja] tu [itu] kurang, kurang la kita dapat. Tu [itu] *jelah* [sahaja lah]. Tapi [tetapi] purata kita dapat dalam sebulan tu [itu] lebih kurang purata lah dalam tiga [3] *pak* [4] *bijik* [buah] sekolah lah. Tiga [3] *pak* [4] *bijik* [buah] sekolah biasa, *standard* [biasa] satu sekolah tu [itu] biasa dalam dua [2] ribu, tiga ribu *jugak* [juga], lebih kurang lah. Sebab *menda* [mural] harga dia tak [tidak] sama. Kadang-kadang sekolah tu [itu] nak buat sikit. Ada yang nak buat banyak, kalau yang buat banyak tu [itu] banyak la dapat. Ha tu [itu] *jelah* [sahaja] beza dia.

NH : **Berapa pendapatan yang paling tinggi lah setakat ni [ini]?**

MN : Paling tinggi setakat ni - - bulanan ke?

NH : **Aha [ya]**

MN : Bulanan purata dalam - - saya letak dalam lima [5] ribu lah, lebih kurang. Paling kurang pun lima [5] ribu lah. Kita pun benda ni [ini] *bukang* [bukan] kita dapat nak konsisten, tak [tidak]. Dia macam ya lah yang banyak tu [itu] banyak lah kan

yang sikit, sikit lah. Tapi purata dia dalam lima [5] ribu lah paling banyak, lima [5] ribu keatas.

**NH : Apakah cabaran encik semasa memulakan kerjaya sebagai seorang pelukis mural?**

**MN :** Cabaran dia - - satu, tempat. Contohnya *kalu* [kalau] kita buat kat padang nasib lah panas apa semua kan, tapi *kalu* [kalau] kita buat kat [di] dalam bilik kelas tu [itu] bilik sekolah tu [itu] dah [sudah] ada aircond [penyaman udara], dah [sudah] ada kipas tu [itu] *okay* [baik] lah. *Tu* [itu] cabaran daripada keadaan, lepastu [selepas itu], cabaran daripada - - macam bila kita dah [sudah] buat, ada yang kita silap buat pun ada. Jadi, bermakna *gambor* [gambar] yang kita lukis balik tu [itu] kena padam balik. Bila padam balik, jadi kos tu [itu], lain jadi kan, bertambah. *Tu* [itu] *jelah* [sahaja lah] cabaran dia tapi [tetapi] kebiasaan memang kita dah buat tu [itu] biasa diorang dah [sudah] bagitau [beritahu] nak buat macam mana memang *takda* [tiada] masalah lah, *bereh* [baik] lah. Cuma kadang-kadang ada yang cikgu terlupa nak bagitau [beritahu] kita dah [sudah] buat penuh, dah [sudah] siap apa semua, *last-last* [akhir sekali] dia kata tak nak [tidak mahu] macam ni [ini], tak nak [tidak mahu] macam ni [ini]. Kita terpaksa kena padam balik. Jadi, masa rugi kos pun rugi. Kebiasaan tu [itu] jarang sangat berlaku lah. Kebanyakan *okay* [baik] takde [tiada] masalah, *bereh* [baik].

**NH : Apakah jenis bangunan yang biasanya encik buat lukisan mural ni [ini]?**



MN : (berfikir) Bangunan sekolah, dinding sekolah, kebiasaan dinding sekolah *lepahtu* [selepas itu] dekat *rumoh* [rumah] orang pun ada, dinding *rumoh* [rumah], dekat ruang tamu biasa , lepastu pejabat. Pejabat biasa kat [dekat] ruang tamu, ha itu lah, kebiasaan lah *tu* [itu] - - atas lantai pun ada.

: **Apakah encik pernah menyertai pertandingan melukis? Melukis mural ni lah**

: Takda [tiada].

NH : **Adakah encik mempunyai lukisan kegemaran?**

MN : Nak kata kegemaran tu sebenarnya ada lah jugak *kang* [kan] tapi kita *dah* [sudah] banyak sangat dah [sudah] melukis ni [ini] kadang-kadang kita *tak* [tidak] *terpikir* [terfikir] sebab kita buat benda *ni* [ini] kadang-kadang rumah saya pun *takde* [tiada] *lukisang* [lukisan] *sebenornya* [sebenarnya] jadi kita *takde* [tiada] macam *pilihang* [pilihan] *lukisang* [lukisan] yang kita suka pun *takde* [tiada] sebab kita buat *ni* [ini] pun semata untuk *job* [kerja] untuk kerja *takde* [takde] lah - - sebab satu-satu sekolah, gambar dia *tak* [tidak] sama. Dia lain-lain *kang* [kan] jadi benda tu [tiu] kita kata kegemaran kita *favourite* [kegemaran] kita kebanyakan kita buat tu [itu] *favourite* [kegemaran] kita, cuma kita bertindak atas maklumat daripada cikgu nak gambar macam tu [itu] nak gambar macam ni [ini] kita ikut dia semuanya kita minat bila hasil kita buat tu [itu] semua kita minat. Kita puas hati bila cikgu puas hati kita pun puas hati tu [itu] je [sahaja], nak kata *hok* [yang] betul-

betul kita minat tu [itu] takde [tiada] la kat [dekat] rumoh [rumah] saya pun takde [tiada] - - (ketawa) takde [tiada] satu keping pun kat *rumoh* [rumah].

**NH** : **Kira takde [tiada] buat koleksi lukisan favourite [kegemaran] la?**

**MN** : *Takde* [tiada] memang kita *takde* [tiada] koleksi kita buat semata untuk kerja *je* [sahaja] *khos* [khas] untuk kerja *je* [sahaja] *takde* [tiada] kita nak buat sebab kadang-kadang *bukang* [bukan] apa jadi bila kita bergerak macam ni [ini], masa kita tu [itu] *takde* [tiada] untuk nak buat *khos* [khas] untuk rumah kita nak buat cantik-cantik *takde* [tiada] masa, jadi memang kebanyakan masa kita *duduk* [berada] di sekolah, di pejabat, di mana-mana. *Takde* [tiada] masa untuk kita *pikir* [fikir] untuk buat yang satu *khos* [khas] untuk rumah tu [itu] *takde* [tiada] jadi kita *tok* [tidak] *terpikir* [terfikir] lagi masa *ni* [ini], kita buat sekarang *ni* [ini] untuk kerja sahaja untuk buat kerja.

**NH** : **Pada pendapat encik, mengapakah kerjaya mural ini menarik?**

**MN** : Menarik *ni* [ini] sebab apa, benda ni seni kan, bila seni, *sekoloh* [sekolah] tu [itu] akan jadi ceria tau, contohnya satu bilik pra contohnya pra, jadi bila ada *lukisang* [lukisan] mural *ni* [ini] *sikit* [sedikit] sebanyak dia akan mencerikan kelas jadi budak-budak nak [hendak] masuk *sekoloh* [sekolah] *nak* [hendak] masuk *belajor* [belajar] *pung* [pun] suka, maknanya dari segi pembelajaran pula sebelum masuk kelas *tu* [itu] diorang [mereka] dah dapat - - kita *dah* [sudah] lukis *macang* [seperti] satu dua tiga nombor *kang* [kan] apa semua diorang [mereka] *dah* [sudah] belajar kat situ sedikit sebanyak dapat menolong, dapat menolong

keceriaan *budok* [kanak-kanak], pemikiran *budok* [kanak-kanak] apa semua salah satu la, bagi saya lah kan, satu lagi sebagai cikgu, bila dah tempat kita *nak* [hendak] buat *keje* [kerja] *tu* [itu] dengan keadaan kemas selesa - - kita pun suka nak pergi *kije* [kerja] *kang* [kan], jadi tu [itu] lah pendapat saya memang kira *besar* [besar] jugok [juga] lah sumbangan dia tu[itu], makna dari segi *keselesaang* [keselesaian] kita nak bekerja.

**NH : Adakah keluarga encik turut memiliki bakat atau darah seni dalam bidang seni melukis mural ni [ini]?**

MN : Takde [tiada] (senyum).

**NH : Encik sorang [seorang] jelah [sahaja lah]?**

MN : Sorang [seorang] je [sahaja].

**NH : (berfikir) Kalau adik beradik? ada ke yang menceburi?**

MN : Adik-beradik *pung* [pun] setahu saya *pung* [pun] memang *takde* [tiada] yang pernah *melukih* [melukis] ni, *kalu* [kalau] ada *pung* [pun] sikit-sikit tapi dia tak [tidak] berkembang , yang berkembang saya *sorang* [seorang] je [sahaja] *ramarama* [ramai-ramai] lapang [8] orang adik-beradik saya *sorang* [seorang] *je* [sahaja], yang laing [lain] ada bidang masing-masing.

**NH : Bagaimana encik yakin bahawa melukis mural ni [ini] dapat menanggung lah hidup encik sekeluarga, walhal lukisan mural ni [ini] tak [tidak] begitu terkenal pada suatu masa dahulu kan?**

**MN :** Ya, saya yakin sebab saya *dah* [sudah] lima belas [15] tahun *dah* [sudah] *cebur* [menceburi] *benda* [mural] ni [sudah] kan. Sebab *tu* [itu] saya yakin sebab *benda* [mural] ni [ini] *diorang* [mereka] *tak tau* [tidak tahu] *diorang* [mereka] *tak* [tidak] nampak bila kita *cebur* [ceburi] sendiri bidang *ni* [ini] kita *tau* [tahu] hasil dia macam mana kualiti dia macam mana, saya alhamdulillah setakat ni [ini] pendapatan saya, saya dapat tanggung anak *belajor* [belajar] apa semua dengan hasil kita buat mural ni [ini] kan, saya dapat lah *macam* [seperti] keperluan orang lain *macam* [seperti] kereta, rumah, saya dapat kan jadi bermakna kalau orang *tau* [tahu], *tau* [tahu] lah *kalu* [kalau] orang *tak* [tidak] *tau* [tahu] memang orang nampak mural ni [ini] satu benda yang *simple* [biasa] lah, betul lah, *kalu* [kalau] ada bakat guna lah bakat sebaik mungkin *tu* [itu] jelah [sahaja lah] rezeki ada di mana-mana kan.

**NH : Betul-betul, apakah pengalaman yang tak [tidak] dapat dilupakan sejak dari mula encik berkecimpung dalam bidang mural ni [ini]?**

**MN :** Ada lah satu peristiwa kira *macam* [seperti] peristiwa hitam *jugak* [juga] lah, pekerja - - kita ada satu kemalangan, pekerja *tu* [itu] dia jatuh daripada atas tangga jatuh ke bawah kang [kan] tu pengalaman paling *tu* [itu] [buruk] lah kita terima, yang lain semuanya *kebanyakannya* [kebanyakannya] *takde* [tiada] masalah lah. Tapi [tetapi] ada *jugok* [juga] pengalaman kira macam yang *tu* [itu] lah, *diorang*

[mereka] tak [tidak] *bayo* [bayar]. Ada jugak [juga] bukan kata semua lah, tapi jarang-jarang berlaku dalam sepuluh [10] *bijik* [buah] sekolah *tu* [itu] ada satu *bijik* [buah]. Diorang [mereka] *macang* [seperti] cerewet sikit lah nak bayar *tu* [itu] tapi yang *kebanyokang* [kebanyakan] *kalu* [kalau] kita kira *overall* [keseluruhan] semua sekali *tu* [itu] *okay* [baiklah] takde masalah *diorang* [mereka] *bayor* [bayar] lah, cuma ada yang *tak* [tidak] *bayo* [bayar] dari segi cerewet apa semua lah tapi [tetapi] yang tadi yang buruk *tu* [itu] satu pekerja yang jatuh, hampir-hampir lah kira macam betul-betul saya memang takut sangat lah jatuh dari atas sampai ke bawah.

**NH : Untuk masalah yang tak [tidak] dibayar *tu* [itu], macam mana encik atasi masalah *tu* [itu]?**

Saya *mudoh* [mudah] *je* [sahaja] saya dah cakap daripada awal macam ni [ini], macam ni [ini], sistem *bayoran* [bayaran] macam mana, kita dah [sudah] *ambik* [ambil] *deposit* [wang pendahuluan] apa semua, bila kita *dah* [sudah] *bagitau* [beritahu] tapi [tetapi] *diorang* [mereka] *ambik* [ambil] pendekatan *tak nak* [tidak mahu] bayar *jugak* [juga] saya *kire* [anggap] *takpe* [tidak mengapa] lah, saya *kire* [anggap] (ketawa) macam *tu* [itu] lah, bukan rezeki saya lah *tu* [itu], saya *takde* [tiada] lah nak *pegi* [pergi]- - padam balik ke apa, tak [tidak] pernah *terpikir* [terfikir] (senyum) kalau *diorang* [mereka] nak kita *bagitau* [beritahu]- - *diaorang* [mereka] macam *tak nak* [tidak mahu], memang tak nak [tidak mahu] bayar *takpe* [tidak mengapa], kita *jenih* [jenis] halal je lah macam *tu* [itu] *jelah*

[sahaja lah] kita terima je lah [sahaja lah] *bukang* [bukan] rezeki kita nak buat macam mana kang [kan].

**NH : Adakah encik mendapat banyak tawaran untuk melukis pada masa kini?**

**MN :** Setakat ni alhamdulillah, saya *rase* [rasa] dalam lima belas [15] tahun, enam belas [16] tahun, saya berkecimpung dalam bidang *ni* [ini], kerjaya ni [ini], kerja saya *ni* [ini] *tok* [tidak] putus, daripada dulu memang ada, tak [tidak] pernah kita rehat sapa [sehingga] seminggu [7 hari], dua minggu [14 hari], *takde* [tiada] *job* [kerja]. *Derek* [berterusan], *full* [penuh] bermakna memang dapat sambutan sangat lah, *menggalokkang* [menggalakkan] lah, setakat ni [ini]. Alhamdulillah.

**NH : Bagaimana encik meletakkan jiwa di dalam setiap karya encik**

**MN :** Nak letak *jiwo* [jiwa] *tu* [itu] kita sendiri yang tahu *kang* [kan] (ketawa), payah la sikit nak cakap jiwa kita ni [ini] kang, *kalu* [kalau] orang *pahang* [faham], dia *pahang* [faham] lah, jiwa seni ni [ini] *laing* [lain]. Contohnya saya bagitau [beritahu], kalau kita *nok* [nak] buat satu-satu *keje* [kerja] *tu* [itu], jiwa tak *mari* [tidak datang], kita *rase* [rasa] *tokleh* [tidak boleh] nak berfikir kang, *otok* [otak] kita *blank* [kosong] takde [tiada] nak buat apa-apa jangan buat *keje* [kerja] balik *rumoh* [rumah] tido, *tu* [itu] je *obat* [ubat] dia jiwa seni ni macam *tu* [itu] dia tak boleh [tidak boleh] *oghang* [orang] nak paksa-paksa tak [tidak] boleh, *atah* [atas] kemahuan kita sendiri kita nak buat *tu* [itu] idea dia *tu* [itu] datang tak [tidak] tentu, idea *tu* [itu], yang paling penting mural ni [ini] *bukang* [bukan] apa, idea. *Kalu* [kalau] idea *tu* [itu] *mari* [datang], masa *tu* [itu] *kalu* [kalau] diorang

[mereka] nak ajak *makang* [makan] ke apa, kita tak nak [tidak mahu]. Sebab idea tengah *mari* [datang] tapi *kalu* [kalau] takde [tiada] idea, balik lah jawab dia jangan buat *keje* [kerja], *rosok* [rosak kerja].

NH : *Kiranya* [maksudnya] emosi encik ni [ini] mempengaruhi lah lukisan encik tu [itu]?

MN : Ya betul, mempengaruhi, sangat-sangat betul.

#### TAMAT BAHAGIAN 4

## BAHAGIAN 5: KERJAYA SENI

NA : **Apakah itu seni mural?**

MN : (menggaru kepala) (gagap) Seni mural ni [ini] ialah seni kan - bagi saya lah - - untuk menceriaikan tempat tu [itu] lah kan, untuk mencantikkan tempat tu [itu] - - sebagai satu tarikan kepada murid ke ataupun orang awam ke untuk datang ke tempat tu [itu] - satu daya tarikan lah kan. Contohnya, kita buat bagi - seni lah - maknanya [maksudnya] tarikan untuk orang awam ataupun *budok-budok* [budak-budak] *sekolah* [sekolah].

NA : **Apakah persediaan yang encik lakukan sebelum memulakan lukisan tu [itu]?**

MN : Persediaannya, mula-mula bahan-bahan dia lah. Contohnya, kita *nok* [nak] buat kat [dekat] mana. *Okay* [baiklah], kat [di] sini kita perlu cat banyak mana. *Okay* [baiklah], kita perlu tangga atau kita perlu *staging* [pementasan], kita *prepare* [sediakan] barang awal-awal - - atas - - dia tertakluk kepada tempat yang kita *nok* [nak] buat. Contohnya, kalau tempat tu [itu] tinggi, kita nak pakai *staging* [pementasan], kita kena sediakan *staging* [pementasan] - *pahtu* [selepas itu] yang paling asasnya cat lah. Cat kita kena beli , cat kita kena beli lepastu [selepas itu] tengok kadang perlu pakai *staging* [pementasan], kita pakai *staging* [pementasan], perlu pakai tangga, kita *howok* [bawa] tangga, tapi [tetapi] kalau tak [tidak] perlu, tak [tidak] payah bawa - - cuma bila [apabila] kita memerlukan, tengok keadaan tempat yang kita *nok* [nak] buat - tertakluk kepada tempat lah.



NA : **Apakah alat-alat lain yang digunakan untuk lukis mural tu [itu]? Contohnya pensel, berus?**

MN : Ya, biasanya takde [tiada] alat. Dia alat asas je [sahaja] lah, dia berus, *roller* [penggelek], selebihnya kemahiran lah - seni lah selebihnya. Alat-alat dia cuma berus lah lepastu [selepas itu] *roller* [penggelek]. Takde [tiada] tu [itu] je [sahaja] lah. Cat, alat-alat tu [itu] je [sahaja] - selebihnya kemahiran kita.

NA : **Adakah jenis cat yang digunakan tu [itu] sama dengan cat yang lain?**

MN : Kita daripada awal penglibatan kita, memang kita pakai satu jenis cat. Bagi saya lah, saya pakai jenis cat Nippon, cat besi Nippon. Kadang-kadang diorang [mereka] ni [ini] biasa pelukis mural ni [ini] dia pakai cat air, cat pelakar (gangguan bunyi) tu [itu] kan, tapi [tetapi] saya memang saya pakai cat Nippon - cat besi. Dari segi ketahanan dia, dari segi kecantikan dia, cat tu [itu] memang saya pakai *takdok* [tiada] *comment* [komen] lah. *Takdok* [tiada] *masalah* [masalah] lah setakat ni [ini] cat tu [itu] - memang terbaik lah - cat Nippon.

NA : **Apakah teknik yang digunakan untuk menghasilkan mural?**

MN : Teknik *brush* [berus], kita pakai berus je [sahaja]. Untuk *background* [latar belakang], kita pakai *roller* [penggelek] pastu [selepas itu] yang bahagian seni - yang bahagian *gambor* [gambar] apa semua tu [itu] kita pakai pelbagai pit lah, pelbagai berus lah *brush* [berus] lah. Pelbagai - dia banyak-banyak saiz besar [besar], kecik [kecil] sampai yang *kecik sekali* [paling kecil] - tu [itu] je [sahaja] yang kita pakai - - selebihnya daripada seni kita sendiri.

- NA : Berapakah masa yang diambil untuk siapkan satu lukisan tu [itu]?**
- MN : (berfikir) Kebiasaan satu lukisan tu [itu] yang kita buat kalau untuk sekolah, dinding sekolah - sebab sekarang ni [ini] tempat yang nak buat tu [itu] dia tertakluk pada saiz, *kalu* [kalau] saiz besor [besar] tu [itu] lambat sikit. Kalau yang saiz kecil tu [itu] cepat lah. Paling cepat kita buat dalam satu hari pun ada, satu hari kita buat siap. Tapi [tetapi] yang *besor* [besar] tu [itu], kebiasaan *kalu* [kalau] *standard* [biasa] dinding sekolah tu [itu] dalam 3, 4 [tiga, empat] hari *jugok* [juga] lah - dalam tiga empat hari siap.
- NA : Pada pendapat encik, apakah elemen-elemen yang penting dalam melukis mural?**
- MN : Elemen penting kita nak tenang, kita jangan *stress* [tertekan] - pastu [selepas itu] kita bila kita dapat berfikir dengan baik lah. Takde [tiada] tekanan lain, takde [tiada] masalah lain, biar kita punya persediaan kita tu [itu], *mental* [mental] kita kena *kemah* [baik] - baru kita dapat berfikir nak buat benda tu [itu] benda ni [ini] sebab benda ni [ini] dia berkait dengan fikiran kan. Kita nak (gagap) nak menghasilkan satu-satu karya tu [itu] *otok* [otak] kita kena tenang, kita jangan *stress* [tertekan], tenang, *makang* [makan], kenyang apa semua *takdok* [tiada] *masaloh* [masalah].

**TAMAT BAHAGIAN 5**

## BAHAGIAN 6: SUMBANGAN

**NH : Bagaimanakah penerimaan masyarakat terhadap lukisan-lukisan encik?**

**MN :** Penerimaan masyarakat memang baik sangat lah memang *menggalokkan* [menggalakkan] lah kalau tidak, *takkan* [tidak mungkin] saya dapat bertahan sampai sekarang kan, jadi memang terbaik lah penerimaan tu [itu] memang positif sangat-sangat lebih-lebih lagi daripada *sekoloh-sekoloh* [sekolah-sekolah] lah kebiasaan sekolah, pra, tadika.

**NH : Adakah encik merasakan bahawa sumbangan encik dalam lukisan mural ni dapat menarik minat ramai?**

**MN :** (berfikir) Dari segi positif nya saya fikir macam tu lah sebab benda [mural] ni [ini], *kalu* [kalau] diorang [mereka] tak [tidak] suka diorang [mereka] takkan [tidak akan] buat kan jadi bila kita dah buat satu tu, jadi kita terima *effect* [kesan] tu baik sangat, positif sangat daripada diorang [mereka] ni dengan keadaan dia puji kita *lepastu* [kemudian] *feedback* [maklum balas] daripada orang ramai, ibu-ibu ke, *bapok-bapok* [bapa-bapa] pergi sekolah, diorang [mereka] *sume* [semua] puji, dari situ bila dah dia bagitau [beritahu] pada kita dapat sokongan daripada persatuan ibu bapa, PIBG [persatuan ibu bapa dan guru] apa *sume* [semua] jadi kita sendiri *puah* [puas] hati lah dengan kerja kita tu [itu], jadi bermakna kita fikir benda [mural] ni [ini] diterima masyarakat. Makna [maksudnya] *takdok* [tiada] lah kata *macang* [seperti] vandalism yang conteng-conteng tu [itu] takde [tiada] ni [ini] lebih kepada mencantikkan ataupun menarik minat *budok-budok* [kanak-kanak] untuk *mari* [datang] *belajor* [belajar].

**NH : Adakah encik pernah mengadakan kelas untuk orang ramai belajar mural?**

**MN :** Ada saya pernah terima *taworan* [tawaran] daripada pihak sekolah pernah ada dia suruh saya buat satu kelas malam lah tapi [tetapi] saya menolaknya sebab saya memang masa betul-betul *fixed* [padat] benda ni saya *takde* [tiada] masa nak mengajar memang saya tolak secara halus lah sebab kita *sedor* [sedar] memang kita *takde* [tiada] masa sebab benda ni memang penuh, memang *takde* [tiada] masa sebab sampai sekarang ni [ini] mural ni [ini] belum putus, *kalu* [kalau] kita ada masa untuk nak bahagi masa untuk nak ajar budok-budok [kanak-kanak] *lepastu* [kemudian] nak buat *kije* [kerja] ada masa *okay* [baik], saya *buleh* [boleh] terima masalahnya *takde* [tiada] masa tu [itu] lah ada pernah sekali *offer* [tawaran] daripada pihak sekolah lah, tapi [tetapi] saya tolak lah.

**NH : Adakah encik pernah menyumbangkan sesuatu kepada negara dalam bidang mural ni?**

**MN :** Negara, *takde* [tiada] kot (ketawa) cuma untuk sekolah ni [ini] takut sampai ke peringkat negara tak tau [tidak tahu] la, tapi [tetapi] setakat sekolah lah kan *takde* [tiada] la yang *besar-besor* [besar-besar] *takde* [tiada] lagi kita cuma buat benda ni sebagai satu bidang *kije* [kerja] kita. *Kalu* [kalau] kita nak buat benda ni *macam* [seperti] ke luar negeri *sebenornya* [sebenarnya] ada tapi [tetapi] saya *pikir* [fikir] benda yang dekat dah [sudah] penuh masa untuk yang dekat pun *takde* [tiada] masa, jadi benda ni [ini] setakat harini kita baru bermain dalam negeri Terengganu

lah belum lagi pergi keluar dalam *tegamu* [terengganu] je [sahaja] sebab memang kita takde [tiada] masa, ada *offer* [tawaran], tapi [tetapi] kita takde [tiada] masa.

**NH : Adakah encik pernah mendapat pengiktirafan dari mana-mana pihak?**

**MN : Takde [tiada] (senyum).**

**NH : Adakah encik berpuas hati dengan usaha dan pencapaian diperolehi sepanjang perkhidmatan dalam dunia seni mural ni?**

**MN : Puas hati sangat-sangat sebab dia banyak lah dari segi kehidupan kita dari segi tanggungan kita apa semua jadi dia dapat membantu la banyak sangat membantu dari segi kewangan apa semua memang dapat menyara hidup lah yang penting dapat menyara hidup saya sekeluarga bukan saya sorang [seorang]. Jadi dari segi nak tanya *puah* [puas] hati tu [itu] memang saya *puah* [puas] hati sangat-sangat rezeki kita ikut seni ni [ini].**

**TAMAT BAHAGIAN 6**

## BAHAGIAN 7: HARAPAN

NA : **Apakah harapan atau nasihat untuk generasi muda untuk lebih menceburi bidang seni lukisan mural?**

MN : Nasihat saya satu lah, yang mana ada kemahiran, jangan sia-siakan lah. Makna [maksud] bakat yang Tuhan bagi tu [itu] kita guna sebaik mungkin. Sebab rezeki tu [itu] dimana-mana dia tak [tidak] kira kita kerja apa ke jawatan apa ke - rezeki Tuhan bagi dan Tuhan bagi kan. Makna [maksud] *kalu* [kalau] diorang [mereka] tu [itu] Tuhan dah [sudah] bagi [beri] kemahiran dari segi lukisan daripada seni ni [ini] gunakanlah sebaik mungkin. Tu [itu] lah tu [itu] saya, maknanya [maksudnya] rezeki tu [itu] ada - makna cuma kita usaha lah - kena usaha, kena *move up* [bergerak ke hadapan]. Benda ni [ini] ke depan , kita jangan malu lah - jangan malu nak cebur bidang apa-apa pon jangan malu lah sebab seni tu [itu] di mana-mana. Dah [sudah] tertulis rezeki kita kat mural ni [ini], *you* [awak] buat sungguh-sungguh - *you* [awak] buat ni [ini] jangan main-main lah - buat sungguh-sungguh.

NA : **Adakah encik berharap seni mural ini dapat dikekalkan?**

MN : (mengangguk) Itu harapan saya (tersenyum) memang harapan kita tu [itu] lah dapat dikekalkan.

NA : **Bagaimana encik mengekalkan prestasi sebagai seorang anak seni yang masih aktif dan relevan walaupun dengan kehadiran bakat-bakat baru?**

MN : Kita percaya pada kebolehan kita - kita yakin kita kena ada keyakinan pada diri kita sendiri - kalau dah kita tahu hasil kita ni [ini] dapat diterima masyarakat, kita tak [tidak] perlu bimbang pada (tidak jelas) pesaing-pesaing lain ni [ini] tak [tidak] perlu bimbang sebab seni ni [ini] dia lain-lain - macam contoh saya hasil saya bila [apabila] siap. *Okay* [baik] orang kenal hasil saya kan orang lain kita kenal, satu lagi rezeki masing-masing kita tak [tidak] perlu bimbang benda tu [itu] - tak [tidak] perlu bimbang - jadi maknanya *takdok* [tidak ada] *masaloh* [masalah] lah *bereh* [baik] lah.

NA : **Jika diberikan peluang, adakah encik akan mengajak atau menggalakkan lebih ramai anak muda untuk berkecimpung dalam seni mural?**

MN : (mengangguk) Iya, kalau lah ada peluang dan ada yang berminat (tersenyum) *no problem* [tiada masalah] *takdok masaloh* [tiada masalah].

NA : **Apakah pendapat encik terhadap bakat seni mural yang ada di Malaysia ni [ini]?**

MN : Pendapat saya *sebenornya* [sebenarnya], artis di Malaysia ni [ini] kalau bahagian seni ni [ini] ramai sangat - memang ramai sangat cuma kadang-kadang ada yang tak [tidak] (gangguan bunyi) tak [tidak] *open* [terbuka] kan - dia maknanya setakat kat [dekat] *rumoh* [rumah] apa semua tu [itu] - tak [tidak] benda ni dia tak [tidak] ke depan - tu [itu] *masaloh* [masalah] dia - diorang [mereka] malu ke apa saya pun tak [tidak] tahu lah - tapi [tetapi] *sebenornya* [sebenarnya] dalam (tidak jelas) dalam Malaysia ni [ini] saya tengok memang ramai sangat lah - memang ramai

yang berbakat - kita ni [ini] ramai berbakat - cuma mungkin dari segi kerjaya tu [itu] mungkin dia tak [tidak] nampak benda ni [ini] kot - dia *napok* [nampak] yang lebih lain lagi kot - itu je [sahaja] lah - ramai.

**NA : Boleh encik kongsi kata-kata semangat kepada sesiapa yang ingin mendalami seni ini?**

**MN :** Kata-kata semangat (tersenyum) - - (tersenyum) *kalu* [kalau] dah ada kebolehan - *kalu* [kalau] dah ada kemahiran tu [itu] maknanya jangan malu-malu lah - cebur biar makna alang-alang buat tu [itu] biar bersungguh-sungguh lah - jangan buat setakat sekerat jalan je [sahaja] lah (tersenyum) - macam tu [itu] je [sahaja] lah - buat kena sepenuh hati - dengan (gagap)(gangguan bunyi) - - kemahiran yang kita ada tu [itu] kita guna sebaik mungkin - itu lah - *susoh* [susah] *nok* [nak] ni [ini] - macam kemahiran seni ni [ini] lukisan ni [ini] jarang-jarang orang ada - tapi [tetapi] bila [apabila] dah ada tu [itu] gunakanlah sebaik mungkin - tu [itu] lah nasihat saya sebab benda ni [ini] boleh menjamin masa depan *sebenornya* [sebenarnya] - *kalu* [kalau] buat dengan cara yang betul - insyaAllah *takdok* [tiada] *masaloh* [masalah] - rezeki tu [itu] ada di mana-mana - itu je [sahaja] - saya *sure* [yakin] sangat-sangat.

**NA : Pada pendapat encik, adakah masih ramai yang berminat dengan seni mural sekarang ini?**

**MN :** (menolak spek) Ramai *sebenornya* [sebenarnya] yang berminat tu [itu] ramai - cuma diorang [mereka] ni [ini] tak [tidak] berani dengan apa yang ada pada diri



dia - kadang-kadang dia tak [tidak] yakin pun ada *jugok* [juga] - sebenarnya benda yang dia sendiri ada tu [itu] *sebenornya* [sebenarnya] *okay* [baik], cantik apa semua tapi dia tak [tidak] yakin untuk luahkan - nak buat satu ni [ini] - - satu cabang kerja - dia tak [tidak] yakin ada jugok [juga] - dia tak [tidak] percaya pada diri sendiri - sebab tu [itu] benda ni [ini] *kalu* [kalau] kita ada - *kalu* [kalau] kita yakin terus kena berani - kita kena berani muka depan.

**NA : Adakah seni mural mampu untuk pergi lebih jauh?**

**MN :** Iya, (mengangguk) saya yakin sangat-sangat - ia mampu pergi lebih jauh (tersenyum) (bunyi motor) saya yakin.

**NA : Pada pendapat encik, mengapakah pentingnya untuk kita kekalkan bidang ini dalam negara kita?**

**MN :** Bidang ni [ini] perlu dikekalkan sebab masih ada yang memerlukan - sebab lagi pun dia untuk kebaikan dan untuk keceriaan. Salah satu benda yang dapat menceriakan satu-satu tempat dengan adanya lukisan mural ni [ini], gangguan bunyi). Ia juga salah satu modus pembelajaran secara tak [tidak] langsung - jadi, *budok-budok* [budak-budak] dapat *belajor* [belajar] dari segi mural ni [ini] - untuk menambah pengetahuan - orang awam apa semua kita boleh hadirkan - dia kita boleh *luohkan* [luahkan] dia di mural. Jadi diorang [mereka] ni [ini] dapat tengok hari-hari, dapat lihat hari-hari - dari situ dia akan dapat *belajor* [belajar] sesuatu daripada mural tu [itu].

- NA : **Boleh saya tahu, apakah perancangan encik untuk masa hadapan?**
- MN : Perancangan saya masa depan [hadapan] - takde lah [tidak ada lah] perancangan *besar-besar* [besar-besar] cuma rezeki tu [itu] *mitok-mitok* [minta-minta] *bertambah* [bertambah] lah - kerja *banyak* [banyak] saya kan (tersenyum) - semoga perancangan saya ni [ini] lah - semoga mural saya dapat diterima ramai lah - hasil saya.
- NA : **Adakah encik mempunyai platform lain untuk peminat mengikuti perkembangan seni mural encik?**
- MN : (menggeleng) Takde [tidak ada] saya memang takde [tidak ada] platform untuk buat ni takde [tidak ada] - cuma kita ni [ini] bergerak *solo* [sendiri] macam ni [ini] lepastu [selepas itu] kita terima - cuma kita terima daripada - terima tempahan lah. Takde [tidak ada] kita nak kongsi dalam - cuma kita kongsi pun segelintir dalam *group* [kumpulan] lah macam *group* [kumpulan] *sekoloh* [sekolah], *group* [kumpulan] kawan-kawan. Kita kongsi dalam tu [itu] je [sahaja] - takde *specially* [khas] (tidak jelas) untuk macam peminat semua takde [tidak ada] - kita pun galeri-galeri pun tak [tidak] pernah masuk.
- NA : **Kalau encik bukan seorang pelukis mural, apakah agaknya kerjaya encik sekarang?**
- MN : Itulah [itu lah] *takdi* [tadi] cakap - kan cakap nak jadi cikgu (gelak) tapi tak [tidak] boleh nak [hendak] jadi cikgu (ketawa) dah [sudah] lukis mural tu [itu] lukis

mural je [sahaja] lah (ketawa) - kalau ikut nak jadi cikgu, dah [sudah] tak [tidak] terima jadi cikgu kira macam ni [ini] lah (ketawa).

## **TAMAT BAHAGIAN 7**

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Encik Mohamad Nor Arifin dalam bidang seni mural. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni mural para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

## RUJUKAN

*APA ITU MURAL JILID 1 - Membalik Buku Halaman 1-50 | AnyFlip.* (n.d.). Anyflip.com.

Retrieved July 28, 2023, from <https://anyflip.com/ejypr/ksah/basic>.

Arkib Negara Malaysia. (n.d.). Datuk Syed Ahmad bin Syed Jamal. Diperoleh pada 28 Julai 2023, daripada

<http://www.arkib.gov.my/web/guest/datuk-syed-ahmad-bin-syed-jamal>

Farrah Atikah Saari., Daeng Haliza Daeng Jamal, Nor Asmalini Mohd., & Abdillah, Nazirin.

(2020). Lukisan Mural Sebagai Daya Tarikan Pelancongan Warisan: Kesan Terhadap Komuniti Setempat Di Kota Bharu, Kelantan.

*Myscholar.umk.edu.my*.<http://myscholar.umk.edu.my/handle/123456789/1483>

Ithnin, H. (2020, February 26). *Aura lukisan mural*. Harian Metro.

<https://www.hmetro.com.my/nuansa/2020/02/548512/aura-lukisan-mural>

Liang, Clement. (2017). George Town's Street Mural Art and Tourism Impact. *Asian Journal of Tourism Research*. 2. 10.12982/AJTR.2017.0022.

Muhammad Rasfan Abu Bakar. (2022, July 2). *Di Sebalik Karya Syed Ahmad Jamal, Tokoh*

*Seni Visual Tanah Air*. Getaran. <https://www.getaran.my/artikel/tara/26258/di-sebalik-karya-syed-ahmad-jamal-tokoh-seni-visual-tanah-air>

Noor Hidayah Tanzizi. (2023, June 11). *Magis kaki, mulut Mohd Khairuddin*. Harian Metro.

<https://www.hmetro.com.my/utama/2023/06/976551/magis-kaki-mulut-mohd-khairuddin>

Saiful & Bin, Ikhmal & Shaik Hussain, Shaik Azahar. (2018). Seni Lukisan Jalanan

Mural Dan Graffiti: Estetika Dan Pandangan Masyarakat.

10.13140/RG.2.2.29926.93763.

Seni, C. (2012, June 20). *pendidikan seni visual: Perkembangan Seni Visual Di Malaysia*.

Pendidikan Seni Visual. <http://senivisual1.blogspot.com/2012/06/perkembangan-seni-visual-di-malaysia.html>

Wan Nurhasyimah Bt Mohd Apandi, Jabatan, Halus, S., Fakulti, S., Lukis, S., Reka,

U., & Mara. (2018). Perbezaan Seni Mural Dan Grafiti. *Wan Nurhasyimah Bt W. Mohd Apandi*, 3(1), 103–108.

<https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/29922/1/29922.pdf>

# LAMPIRAN

## LOG WAWANCARA

Nurul Aqilah dan Nur Hafizah Khalilah menemubual Encik Mohamad Noor Arifin yang dilahirkan pada 18 Mei 1964, di Dungun. Temubual dijalankan melalui platform atas talian Google Meet (GMeet) mengenai pengalaman dan jalan hidup beliau sebelum dan selepas menjadi seorang pelukis mural selama lebih 1 dekad.

| MASA                                    | SUBJEK  | NAMA/TEMPAT/RUJUKAN   |
|---|---|---|
| <b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH</b> |   |   |
| 1.00                                    | <p style="text-align: center;"><b>Latar Belakang Peribadi</b></p> <p style="text-align: center;">Menjelaskan tentang latar belakang diri.</p> | <p>Mohamad Nor bin Arifin</p> <p>Negeri Terengganu</p> <p>18 Mei 1964</p> <p>Umur: 58 Tahun</p> <p>Pok Non (rakan-rakan)</p> <p>Kampung Pulau Serai, Dungun</p> |
|   |   | Nur Majidah binti Ismail (isteri)   |

|                                       |  |   |
|---------------------------------------|--|---|
| 2.58                                  | Menceritakan tentang latar belakang keluarga.                        | <p>Nur Shuhaidah (anak)</p> <p>Guru</p> <p>Nur Athira</p> <p>Universiti Malaya (UM)</p> <p>Arifin bin Mohamad (bapa)</p> <p>Wan Dayang binti Wan Muda (ibu)</p> |
| 6.41                                  | Persefahaman membolehkan pembahagian masa untuk keluarga dan kerjaya |   |
| <b>BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN</b> |  |   |



|       |   |   |
|-------|---|---|
| 7.38  | Menceritakan tentang pendidikan beliau dari peringkat sekolah rendah sehingga sekolah menengah. | Sekolah LKTP Jerangau, Felda Jerangau<br><br>Sekolah Menengah Kebangsaan Landas |
| 8.12  | Menceritakan tentang kenangan manis di sekolah rendah.  |   |
| 9.50  | Menceritakan tentang jurusan diambil di sekolah menengah.                                       |   |
| 11.04 | Menceritakan tentang mata pelajaran yang diminati di sekolah menengah.                          |   |
|       |   |   |

|                                 |   |             |
|---------------------------------|---|-------------|
| 11.17                           | Bercerita tentang penglibatan, kenangan pahit dan pencapaian di sekolah menengah. |             |
| 14.25                           | Memberitahu cita-cita dan impian ketika itu.                                      |             |
| <b>BAHAGIAN 3: KERJAYA AWAL</b> |   |             |
| 15.45                           | Pengalaman pekerjaan pertama.   | Kedai iklan |
| 16.45                           | Mendapat pekerjaan melalui permohonan dan pergi ke syarikat-syarikat.             |             |
|                                 |   |             |

|                                    |  |          |
|------------------------------------|--|----------|
| 17.52                              | Gaji ketika mula-mula bekerja.   | RM 500   |
| 18.10                              | Sebelum menjadi pelukis, bekerja kerana tidak ingin menganggur dan tidak bermula dari hobi.      |          |
| 18.59                              | Tidak mempunyai citarasa dalam pekerjaan tersebut menyebabkan pelukis menukar pekerjaan sebelum. |          |
| <b>BAHAGIAN 4: KERJAYA PELUKIS</b> |  |          |
| 20.09                              | Menceritakan minatnya terhadap seni mural dan detik bermulanya kerjaya beliau.                   | 15 Tahun |
| 22.18                              | Menceritakan tentang skop kerja  |          |

|       |   |                     |
|-------|---|---------------------|
|       | beliau.   |                     |
| 23.58 | Memberitahu idola dalam penghasilan seni mural.   | Jaafar Tahir        |
| 24.40 | Memberitahu perjalanan belajar dan melukis mural buat kali pertama.   |                     |
| 26.40 | Memberitahu lingkungan pendapatan.  | RM 2,000 - RM 5,000 |
| 28.00 | Menceritakan cabaran yang dihadapi semasa memulakan kerjaya iaitu terpaksa bertahan dalam cuaca panas dan lukisan tidak diterima. |                     |

|       |  |  |
|-------|--|--|
|       |  |  |
| 31.38 | Menceritakan seni mural menarik kerana membantu dalam pembelajaran pelajar sekolah.                |  |
| 32.50 | Tiada waris yang terlibat dalam bidang seni yang sama.   |  |
| 32.17 | Menceritakan pengalaman yang tidak boleh dilupakan iaitu pekerja jatuh dari tangga semasa melukis. |  |
| 35.39 | Masalah lukisan yang tidak dibayar dibiarkan begitu sahaja.  |  |
|       |  |  |

|                                 |  |  |
|---------------------------------|--|--|
| 36.51                           | Menceritakan bagaimana pelukis meletakkan jiwa dalam setiap lukisan.       |  |
| <b>BAHAGIAN 5: KERJAYA SENI</b> |  |  |
| 38.06                           | Maksud seni mural bagi pelukis.  |  |
| 38.52                           | Persediaan sebelum memulakan lukisan adalah alat-alat yang digunakan.      |  |
| 40.13                           | Perbezaan cat iaitu penggunaan cat besi Nippon.                            |  |
| 40.54                           | Penghasilan mural menggunakan teknik berbeza dengan pit dan berus berbeza. |  |

|                              |  |  |
|------------------------------|--|--|
|                              |  |  |
| 41.27                        | Menganalisis masa yang diambil untuk menyiapkan sebuah lukisan iaitu tiga ke empat hari. |  |
| 42.04                        | Elemen penting dalam penghasilan mural ialah tenang.                                     |  |
| <b>BAHAGIAN 6: SUMBANGAN</b> |  |  |
| 42.55                        | Penerimaan lukisan amat menggalakkan terutama dari sekolah, pra dan tadika.              |  |
| 43.27                        | Lukisan mural memberi kesan yang positif untuk menarik minat ramai.                      |  |

|                            |   |  |
|----------------------------|---|--|
| 44.29                      | Pernah menerima tawaran dari pihak sekolah untuk mengadakan kelas mural tetapi menolak atas kepadatan jadual. |  |
| 45.21                      | Tidak pernah menyumbang kepada negara dan mendapat pengiktirafan dari mana-mana pihak.                        |  |
| 46.20                      | Pelukis berpuas hati dengan pencapaian yang diperolehi setakat ini.   |  |
| <b>BAHAGIAN 7: HARAPAN</b> |   |  |
| 47.11                      | Harapan pelukis ialah untuk tidak mensia-siakan peluang yang ada.   |  |



|       |  |   |
|-------|--|---|
| 48.13 | Pelukis berharap seni mural dikekalkan.  |   |
| 48.27 | Pelukis percaya pada kebolehan diri sendiri biarpun ramai pendedatang yang baru. |   |
| 49.38 | Terdapat ramai artis di Malaysia namun peluang tidak terbuka luas.               |   |
| 50.22 | Kata-kata semangat untuk pendedatang baru.                                       | Cebur bersungguh-sungguh, jangan buat sekerat jalan |
| 51.28 | Masih ramai yang berminat untuk menceburi seni mural ini namun                   |   |

|       |   |  |
|-------|---|--|
|       | tidak mempunyai keyakinan.  |  |
| 52.05 | Seni mural mempunyai harapan untuk pergi lebih jauh.                                |  |
| 52.21 | Kebaikan dan keceriaan adalah salah satu kepentingan untuk kekalkan mural.          |  |
| 53.14 | Pelukis ingin mendapat rezeki yang bertambah-tambah dalam perancangan masa hadapan. |  |
| 53.37 | Pelukis tidak menggunakan sosial media untuk menunjukkan perkembangan mural.        |  |

|       |   |  |
|-------|---|--|
| 54.15 | Pelukis mempunyai impian untuk menjadi seorang guru jika bukan seorang pelukis. |  |
|-------|---|--|

## DIARI KAJIAN

| MASA      | TARIKH      | PERKARA   | REFLEKSI DAN TINDAKAN  |
|-----------|-------------|---|--|
| 8.30 a.m. | 20 Mac 2023 | Pendedahan awal tentang sejarah lisan oleh Puan Nurul Annisa Abdullah | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami ditugaskan untuk mencari tokoh atau artis veteran tempatan</li> <li>• Kami perlu menyiapkan tugas ini secara berpasangan</li> </ul>  |
| 9.00 a.m. | 23 Mac 2023 | Senarai tokoh tempatan dan Abstrak                                    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami diberi tugas untuk mencari tokoh terlebih dahulu</li> <li>• Puan annisa memberikan senarai nama tokoh yang telah ditemu bual untuk mengelakkan kami mengambil tokoh yang sama</li> <li>• Puan annisa memberikan tugas menyediakan</li> </ul> |

|            |               |   |  |
|------------|---------------|---|--|
|            |               |   | abstrak untuk tokoh yang dipilih sekurang-kurangnya dua orang  |
| 8.30 a.m.  | 27 Mac 2023   | Menyediakan dan menghantar proposal dan preliminary preparation | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami telah diberi tugas oleh Puan Annisa untuk menyediakan proposal dan preliminary preparation mengenai sejarah lisan dan latar belakang tokoh kami</li> </ul> |
| 3.00 p.m.  | 20 April 2023 | Menyediakan soalan untuk sesi temubual                          | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Puan Annisa memberi tugas menyediakan 100 soalan untuk sesi temu bual melalui platform Google Classroom</li> </ul>  |
| 11.04 a.m. | 20 April 2023 | Menghantar senarai soalan kepada Puan Annisa untuk disemak      | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami ditugaskan untuk menghantar 100 soalan sesi temubual untuk disemak terlebih dahulu di platform Google Classroom</li> </ul>                                 |
| 4.00 p.m.  | 30 April 2023 | Melakukan tinjauan dan memilih tokoh                            | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami berhubung dengan beberapa orang tokoh di instagram</li> </ul>  |

|            |             |   |  |
|------------|-------------|---|--|
|            |             |   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami membuat keputusan untuk memilih tokoh seni mural</li> </ul>  |
| 10.00 a.m. | 11 Mei 2023 | Sesi konsultasi bersama Puan Annisa         | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Puan Annisa mengadakan sesi konsultasi dan pembetulan soalan melalui platform Google Meet.</li> </ul>   |
| 3.39 p.m.  | 3 Jun 2023  | Pemakluman kepada tokoh untuk sesi temubual | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami berhubung dengan tokoh melalui platform Whatsapp untuk menetapkan tarikh temubual'</li> <li>• Kami menghantar soalan kepada tokoh terlebih dahulu untuk sesi temubual</li> </ul> |
| 10.30 a.m. | 5 Jun 2023  | Sesi temubual bersama tokoh dijalankan      | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sesi temubual telah berlangsung selama lebih kurang sejam</li> <li>• Sesi temubual berjalan lancar dengan kesudian tokoh berkongsi sejarah kehidupan</li> </ul>                       |

|            |               |  |  |
|------------|---------------|--|--|
|            |               |  | beliau   |
| 11.00 a.m. | 7 Jun 2023    | Menghantar surat perjanjian lisan kepada tokoh                       | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat perjanjian lisan dihantar kepada tokoh bagi bukti temubual bersama tokoh</li> </ul>                             |
| 2.00 p.m.  | 8 Jun 2023    | Menerima surat perjanjian lisan yang sudah ditandatangani oleh tokoh | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat perjanjian lisan diterima sebagai bukti temu bual bersama tokoh mural</li> </ul>                                |
| 11.00 a.m. | 20 Jun 2023   | Menyediakan log wawancara  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Log wawancara telah disenaraikan terlebih dahulu</li> </ul>   |
| 4.10 a.m.  | 9 Julai 2023  | Menyediakan transkrip dan artikel                                    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Nurul Aqilah menghantar rakaman video kepada Nur Hafizah sebagai rujukan untuk membuat tugas sejarah lisan</li> </ul> |
| 9.00 a.m.  | 20 Julai 2023 | Transkrip, artikel dan diari kajian                                  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kami menyiapkan transkrip, artikel dan diari kajian</li> </ul>  |
| 4.08 p.m.  | 28 Julai 2023 | Audio dan video temubual bersama tokoh                               | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghantar Audio dan Video yang telah dirakam kepada Puan Annisa sebagai</li> </ul>                                   |

|  |  |  |         |
|--|--|--|---------|
|  |  |  | rujukan |
|--|--|--|---------|



# SENARAI SOALAN

## 1. LATAR BELAKANG TOKOH

1. Apakah nama penuh encik?
2. Adakah encik mempunyai nama gelaran?
3. Berapakah usia encik pada tahun ini?
4. Bilakah encik dilahirkan?
5. Dimanakah encik dilahirkan dan dibesarkan?
6. Dimanakah encik menetap sekarang?
7. Bilakah encik mendirikan rumah tangga?
8. Pada usia berapakah encik mendirikan rumah tangga?
9. Apakah nama isteri encik?
10. Berapakah umur isteri encik?
11. Adakah isteri encik bekerja?
12. Berapakah bilangan anak encik?
13. Apakah nama anak-anak encik?
14. Berapakah umur mereka sekarang?
15. Apakah kerjaya mereka?
16. Bolehkah saya tahu nama bapa encik?
17. Bolehkah saya tahu nama ibu encik?
18. Apakah kerjaya ibu dan bapa encik?
19. Adakah encik masih mempunyai ibu dan bapa?
20. Berapakah bilangan adik-beradik dan encik merupakan anak keberapa?
21. Boleh encik kongsi bagaimana encik membahagikan masa untuk bersama keluarga dan kerjaya?

## **2. SEJARAH PENDIDIKAN**

22. Apakah nama sekolah rendah encik?
23. Pada tahun berapakah encik memulakan dan menamatkan sekolah rendah?
24. Tidak mengapa, adakah encik mempunyai kenangan manis pada masa sekolah rendah?
25. Adakah encik aktif semasa di sekolah rendah?
26. Apakah nama sekolah menengah encik?
27. Pada tahun bila encik memulakan dan menamatkan pengajian sekolah menengah itu?
28. Apakah jurusan yang encik ambil ketika di sekolah menengah?
29. Mengapa encik memilih kursus atau bidang tersebut?
30. Memang masa masuk sekolah menengah itu, sudah mula minat dengan seni lah?
31. Apakah mata pelajaran yang encik minat semasa di sekolah menengah?
32. Adakah encik aktif semasa di bangku sekolah menengah?
33. Kalau kelab? Adakah encik ada menyertai mana-mana kelab?
34. Kenapa encik menyertai kelab itu, adakah minat juga? ataupun sekadar mengisi hobi lah?
35. Apakah pengalaman pahit manis ketika encik di sekolah menengah?
36. Apakah pencapaian terbaik encik ketika di sekolah menengah?
37. Kiranya pencapaian terbaik encik itu dalam bidang sukan lah pada waktu itu?
38. Apakah cita-cita atau impian encik pada waktu itu?
39. Adakah encik pernah mengikuti kursus profesional lain?
40. Memang tiada kursus profesional lain lah selain seni?

## **3. KERJAYA AWAL**

41. Apakah pekerjaan pertama encik selepas tamat pengajian?
42. Bagaimana encik mendapat pekerjaan tersebut? Bagaimana encik mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian itu?
43. Adakah encik suka dengan pekerjaan itu?
44. Berapakah gaji encik pada waktu itu?

45. Apakah yang mendorong encik untuk berkecimpung dalam bidang tersebut? Bidang sebelum seni?
46. Kiranya pekerjaan sebelum ini tidak bermula dari hobi lah?
47. Apakah punca encik menukar pekerjaan itu?

#### **4. KERJAYA PELUKIS**

48. Sejak bila encik mula menyedari minat terhadap seni mural ini?
49. Dimana encik mula mempelajari mural?
50. Pada tahun berapa encik mula giat melukis?
51. Adakah encik melukis mural berseorangan atau mempunyai pembantu?
52. Jadinya, memang tiada bergerak secara berkumpulah la kalau mural ini?
53. Baiklah, siapa yang mendorong encik untuk sampai ke tahap ini?
54. Baiklah, adakah encik mempunyai idola dalam bidang ini dan mengapa encik mengidolakan beliau?
55. Sebagai seorang pelukis mural, apa lukisan pertama yang encik pelajari?
56. Apa perasaan encik ketika pertama kali menceburi bidang mural?
57. Adakah selepas menceburi bidang mural ini, adakah kerjaya mural ini berat untuk encik pikul?
58. Berapa lingkungan pendapatan encik sekarang?
59. Berapa pendapatan yang paling tinggi lah setakat ini?
60. Ya?
61. Apakah cabaran encik semasa memulakan kerjaya sebagai seorang pelukis mural?
62. Apakah jenis bangunan yang biasanya encik buat lukisan mural ini?
63. Apakah encik pernah menyertai pertandingan melukis? Melukis mural ini lah?
64. Adakah encik mempunyai lukisan kegemaran ini
65. Kira tiada buat koleksi lukisan kegemaran la?
66. Pada pendapat encik, mengapakah kerjaya mural ini menarik?
67. Adakah keluarga encik turut memiliki bakat ataudarah seni dalam bidang seni melukis mural ini?
68. Encik seorang sahaja lah?

69. Kalau adik-beradik? ada ke yang menceburi?
70. Bagaimana encik yakin bahawa melukis mural ini dapat menanggung lah hidup encik sekeluarga, walhal lukisan mural ini tidak begitu terkenal pada suatu masa dahulu kan?
71. Betul-betul, apakah pengalaman yang tidak dapat dilupakan sejak dari mula encik berkecimpung dalam bidang mural ini?
72. Untuk masalah yang tidak dibayar itu, macam mana encik atasi masalah itu?
73. Adakah encik mendapat banyak tawaran untuk melukis pada masa kini?
74. Bagaimana encik meletakkan jiwa di dalam setiap karya encik?
75. Kiranya, emosi encik ini mempengaruhi lukisan encik itu?

## **5. KERJAYA SENI**

76. Apakah itu seni mural?
77. Apakah persediaan yang encik lakukan sebelum memulakan lukisan itu?
78. Apakah alat-alat lain yang digunakan untuk melukis mural itu? Contohnya pensel, berus?
79. Adakah jenis cat yang digunakan itu sama dengan cat yang lain?
80. Apakah teknik yang digunakan untuk menghasilkan mural?
81. Berapakah masa yang diambil untuk menyiapkan satu lukisan itu?
82. Pada pendapat encik, apakah elemen-elemen yang penting dalam melukis mural?

## **6. SUMBANGAN**

83. Bagaimanakah penerimaan masyarakat terhadap lukisan-lukisan encik?
84. Adakah encik merasakan bahawa sumbangan encik dalam lukisan mural ini dapat menarik minat ramai?
85. Adakah encik pernah mengadakan kelas untuk orang ramai belajar mural?
86. Adakah encik pernah menyumbangkan sesuatu kepada negara dalam bidang mural ini?
87. Adakah encik pernah mendapat pengiktirafan daripada mana-mana pihak?
88. Adakah ecik berpuas hati dengan usaha dan pencapaian diperolehi sepanjang perkhidmatan dalam dunia seni mural ini?

## 7. HARAPAN

89. Apakah harapan atau nasihat untuk generasi muda untuk lebih menceburi bidang seni lukisan mural?
90. Adakah encik berharap seni mural ini dapat dikekalkan?
91. Bagaimana encik mengekalkan prestasi sebagai seorang anak seni yang masih aktif dan relevan walaupun dengan kehadiran bakat-bakat baru?
92. Jika diberikan peluang, adakah encik akan mengajak atau menggalakkan lebih ramai anak muda untuk berkecimpung dalam seni mural?
93. Apakah pendapat encik terhadap bakat seni mural yang ada di Malaysia ini?
94. Boleh encik kongsi kata-kata semangat kepada sesiapa yang ingin mendalami seni ini?
95. Pada pendapat encik, adakah masih ramai yang berminat dengan seni mural sekarang ini?
96. Adakah seni mural mampu pergi lebih jauh?
97. Pada pendapat encik, mengapakah pentingnya untuk kita kekalkan bidang ini dalam negara kita?
98. Boleh saya tahu, apakah perancangan encik untuk masa hadapan?
99. Adakah encik mempunyai platform lain untuk peminat mengikuti perkembangan seni mural encik?
100. Kalau encik bukan seorang pelukis mural? apakah agaknya kerjaya encik sekarang?

# SURAT PERJANJIAN



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya MOHAMAD NOR BIN ARIFIN K/P:..... pada  
5 JUN 2023 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan  
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh ( interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

.....  
(Nama tokoh MOHAMAD NOR)  
Tarikh: 5/6/2023

.....  
(Nama Pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)  
b.p. Penolong Naib Canselor  
Pengajian Sains Maklumat  
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik  
dan Media  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

# GAMBAR



# INDEKS

## A

Arifin bin Mohamad.....4, 42

## B

Bahasa Malaysia.....8

## D

Dungun.....J 2, 3, 11, 13, 40, 41

## F

## M

Mural.....1, 14, 15, 16, 17, 18, 19,  
20, 21, 22, 23, 25, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33,  
34, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 45, 46, 47, 48, 49,  
50, 51, 52, 56, 57, 61, 62, 63

Melukis.....14, 15, 20, 22, 23, 25, 29,  
46, 47, 61, 62

## N

Nur Majidah binti Ismail.....3, 41

Nur Shuhaidah.....3

Nur Athira.....4

## S

Sarawak.....3

Sekolah LKTP Jerangau.....6, 43

Sekolah Menengah Landas.....7

Sijil Pelajaran Malaysia.....9

Seni.....1, 7, 8, 10, 11, 12, 13,  
14, 15, 16, 17, 21, 22, 25, 27, 28, 32, 33, 34,  
35, 36, 37, 38, 39, 45, 46, 47, 48, 51, 52, 56,  
60, 61, 62, 63

## T



Felda Jerangau.....2,4

Terengganu.....10, 11, 31, 32, 41

## **J**

## **U**

Jaafar Tahir.....16, 46

Universiti Malaya.....3,4

## **K**

## **W**

Kuala Lumpur.....4

Wan Dayang binti Wan Muda.....4

WhatsApp.....56

# APPENDIKS

## TOKOH: MOHAMAD NOR ARIFIN (PELUKIS MURAL)

### **PENGENALAN: [rakam sebelum temu bual]**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni mural. Bersama-sama kami ialah Encik Mohamad Nor Arifin yang merupakan seorang pelukis mural. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 5 Jun 2023 bersamaan dengan hari Isnin pada pukul 11 pagi melalui platform Google Meet. Temubual ini dikendalikan oleh Nurul Aqilah Abdull Razak dan Nur Hafizah Khalilah Sabri. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

### **A. LATAR BELAKANG**

1. Apakah nama penuh encik?
2. Adakah encik mempunyai nama gelaran?
3. Berapakah usia encik pada tahun ini?
4. Bilakah encik dilahirkan?
5. Dimanakah encik dilahirkan dan dibesarkan?
6. Dimanakah encik menetap sekarang?
7. Bilakah encik mendirikan rumah tangga?
8. Pada usia berapakah encik mendirikan rumah tangga?
9. Apakah nama isteri encik?
10. Berapakah umur isteri encik?
11. Adakah isteri encik bekerja? Jika ya, adakah dia bekerja dalam bidang yang sama seperti encik?
12. Berapakah bilangan anak encik?
13. Apakah nama anak-anak encik?
14. Berapakah umur mereka?
15. Apakah kerjaya mereka sekarang?

16. Bolehkah saya tahu nama bapa encik?
17. Bolehkah saya tahu nama ibu encik?
18. Apakah kerjaya ibu dan bapa encik?
19. Adakah encik masih mempunyai ibu dan bapa?
20. Berapakah bilangan adik-beradik dan encik merupakan anak keberapa?
21. Boleh encik kongsi bagaimana encik membahagikan masa untuk bersama keluarga dan kerjaya?

## **B. SEJARAH PENDIDIKAN**

22. Apakah nama sekolah rendah encik?
23. Pada tahun berapakah encik memulakan dan menamatkan sekolah rendah?
24. Adakah encik memiliki kenangan manis pada sekolah rendah?
25. Adakah encik aktif semasa di sekolah rendah?
26. Apakah nama sekolah menengah encik?
27. Pada tahun bilakah encik memulakan dan menamatkan pengajian sekolah menengah?
28. Apakah jurusan yang encik ambil ketika di sekolah menengah?
29. Mengapa encik memilih untuk mengambil kursus atau bidang tersebut?
30. Apakah mata pelajaran yang encik minati semasa di sekolah menengah?
31. Adakah encik aktif semasa di bangku sekolah menengah?
32. Ketika di zaman sekolah, adakah encik menyertai mana-mana kelab?
33. Mengapakah encik menyertai kelab tersebut?
34. Apakah pengalaman pahit manis ketika encik di sekolah menengah?
35. Apakah pencapaian terbaik encik ketika di sekolah menengah?
36. Apakah cita-cita encik atau impian encik pada waktu itu?
37. Adakah encik pernah mengikuti kursus professional lain? Jika ya, mengapa encik memilih untuk mengikuti kursus tersebut?

## **C. KERJAYA AWAL**

38. Apakah pekerjaan pertama encik selepas tamat pengajian?

39. Bagaimana encik mendapat pekerjaan tersebut?
40. Adakah encik suka dengan pekerjaan itu?
41. Berapakah gaji encik ketika itu?
42. Apakah yang mendorong encik untuk berkecimpung dalam bidang tersebut?
43. Adakah kerjaya encik ini bermula dari satu hobi atau sebaliknya?
44. Apakah punca encik menukar pekerjaan sebelum ini?

#### **D. KERJAYA PELUKIS**

45. Sejak bilakah encik menyedari minat terhadap seni mural?
46. Dimanakah encik mula mempelajari mural?
47. Siapakah yang mula-mula mengajar encik dalam bidang mural ini?
48. Bagaimana encik terlibat dalam seni ini?
49. Pada tahun berapakah encik giat melukis?
50. Berapa lamakah encik belajar melukis mural?
51. Adakah encik melukis mural berseorangan atau mempunyai pembantu?
52. Siapakah yang mendorong encik untuk sampai ke tahap ini?
53. Adakah encik mempunyai idola dalam bidang ini? Dan mengapakah?
54. Sebagai seorang pelukis mural, apakah lukisan pertama yang encik pelajari?
55. Adakah encik mempunyai guru atau entiti yang memebantu encik dalam seni ini?
56. Apakah perasaan encik ketika pertama kali mençeburi bidang mural?
57. Adakah kerjaya mural ini berat untuk encik pikul?
58. Berapakah lingkungan pendapat encik sekarang?
59. Apakah cabaran encik semasa memulakan kerjaya sebagai seorang pelukis mural?
60. Apakah jenis bangunan yang kebiasaannya encik membuat lukisan mural ini?
61. Adakah encik pernah menyertai pertandingan melukis mural?
62. Apakah lukisan kegemaran encik?
63. Pada pendapat encik, mengapakah kerjaya mural ini menarik?
64. Adakah keluarga encik turut memiliki bakat atau darah seni dalam bidang seni melukis mural seperti encik?

65. Adakah adik-beradik encik menceburi bidang yang sama dengan encik? Jika ada, berapa orang yang terlibat?
66. Bagaimana encik yakin bahawa melukis mural ini dapat menanggung hidup encik sekeluarga walhal lukisan mural ini tidak begitu terkenal pada suatu masa dahulu?
67. Apakah pengalaman yang tidak dapat dilupakan sejak dari mula berkecimpung dalam bidang mural?
68. Adakah encik mendapat banyak tawaran untuk melukis pada masa kini?
69. Bagaimanakah encik meletakkan jiwa di dalam setiap karya encik?
70. Adakah emosi encik mempengaruhi lukisan encik?
71. Apakah pengalaman pahit yang pernah encik hadapi sepanjang karier ini?

#### **E. KERJAYA SENI**

72. Apakah itu seni mural?
73. Apakah persediaan yang encik lakukan sebelum memulakan lukisan tersebut?
74. Apakah alat-alat yang digunakan untuk melukis mural?
75. Adakah jenis cat yang digunakan untuk melukis mural sama dengan cat yang lain?
76. Apakah teknik yang encik gunakan dalam menghasilkan mural?
77. Berapakah masa yang diambil untuk menyiapkan satu lukisan mural?
78. Pada pendapat encik, apakah elemen-elemen yang penting dalam melukis mural?

#### **F. SUMBANGAN**

79. Bolehkan encik kongsi antara momen yang diingati sepanjang karier encik?
80. Bagaimanakah penerimaan masyarakat terhadap lukisan-lukisan encik?
81. Adakah encik merasakan bahawa sumbangan encik dalam lukisan mural ini dapat menarik minat ramai?
82. Adakah encik pernah mengadakan kelas untuk orang ramai belajar melukis mural?
83. Adakah encik pernah menyumbangkan sesuatu kepada negara?
84. Bagaimanakah sumbangan tersebut dilakukan?
85. Apakah lukisan yang paling diingati dan disayangi oleh encik?

86. Adakah itu memberi impak yang besar dalam seni lukisan mural negara?
87. Adakah encik pernah mendapat pengiktirafan dari mana-mana pihak?
88. Adakah encik berpuas hati dengan usaha dan pencapaian yang diperolehi sepanjang perkhidmatan dalam dunia seni?

## **G. HARAPAN**

89. Apakah harapan atau nasihat untuk generasi muda lebih menceburi bidang seni lukisan mural?
90. Adakah encik berharap seni mural ini dapat dikekalkan?
91. Bagaimana encik mengekalkan prestasi sebagai seorang anak seni yang masih bergiat aktif dan relevan hingga sekarang walaupun dengan kehadiran bakat-bakat baharu?
92. Jika diberikan peluang, adakah encik akan mengajak atau menggalakkan lebih ramai anak muda untuk berkecimpung dalam bidang mural?
93. Apakah pendapat encik terhadap bakat seni mural yang terdapat di Malaysia?
94. Adakah encik ingin berkongsi kata-kata semangat atau nasihat kepada sesiapa yang ingin mendalami bidang mural ini?
95. Pada pendapat encik, adakah masih ramai yang berminat dengan seni mural?
96. Adakah seni mural mampu pergi lebih jauh?
97. Pada pendapat encik, mengapakah pentingnya untuk kita kekalkan bidang ini dalam negara kita?
98. Bolehkah saya tahu, apakah perancangan encik untuk masa hadapan?
99. Adakah encik mempunyai platform-platform lain untuk peminat mengikuti perkembangan encik?
100. Jika encik bukan seorang pelukis mural, apakah agaknya kerjaya encik sekarang?

### **Penutup: [rakam selepas temubual]**

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Encik Mohamad Nor Arifin dalam bidang seni mural. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah

diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni mural para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.